

فتيقن تيتاه

PETIKAN TITAH

“JIKA pegangan tidak lurus, walaupun niat baik, kita tidak mungkin, untuk menghasilkan sebarang natijah yang terbaik itu.”
- Titah Sempena Tahun Baru Hijriah 1430 / 2009 Masihi pada 1 Muharam 1430 / 28 Disember 2008.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

“DAN kalaulah Allah meluaskan kurnia rezeki kepada hamba-hamba-Nya, tentulah mereka akan berlaku zalim di bumi tetapi Allah menurunkan rezeki-Nya itu dengan kadar yang tertentu sebagaimana yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Teliti lagi Maha Melihat hamba-hamba-Nya.”
- (Surah Asy Syuraa, ayat 27).

TAHUN 58 / BILANGAN 136

6 NOVEMBER 2013 / 1435 محرم 2

EDISI RABU / PERCUMA



Hukum Allah yang terbaik

Oleh : Norliah Md. Zain, Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan bahawa menjalankan Hukum Allah atau Undang-Undang-Nya, bukanlah kerja *orang-orang jahat*, tetapi kerja *orang baik*, bahkan terbaik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, Undang-Undang Allah itu semuanya baik, tidak ada yang tidak baik, melainkan baik belaka.

“Kalau ada orang mencari keadilan, maka di sini, ada keadilan itu. Begitu juga kalau orang mencari ihsan dan perikemanusiaan, maka di sini juga ada ihsan dan perikemanusiaan itu,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian sempena Sambutan Tahun Baru Hijriah 1435 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Baginda menekankan, bukanlah seperti yang ditohmah orang, bahawa Undang-Undang Allah itu lapuk dan kejam, ini semua adalah tidak benar yang mana orang yang melihat lapuk dan kejam itu hanyalah orang jahil, yang tidak mengenali Islam sama sekali.

“Jika mereka mengenali Islam selaku Ugama

Allah, nescaya mereka tidak akan celopar terhadapnya,” tegas baginda.

Baginda bertitah mengingatkan bahawa siapa kita untuk menandingi Undang-Undang Allah, dan siapa kita untuk mengatasi ihsan dan perikemanusiaan Allah serta siapa kita untuk mendakwa lebih memelihara hak asasi dari Allah memeliharanya.

Kita orang Islam, jelas baginda, tidak bercakap kosong mengenai *hak asasi*, bukan sahaja hak manusia sendiri yang kita jaga dan pelihara, malah juga hak-hak makhluk yang lain.

Baginda menegaskan orang-orang Islam sangat menyanjung Al-Qur'an sebagai pegangan dan tidak akan menukarnya dengan yang lain-lain, dan sama sekali tidak akan mengabaikan ajaran-ajarannya, dan benar-benar mengambil berat terhadap firman Allah dalam Surah Az Zukhruf ayat 36, tafsirnya:

“Dan barangsiapa yang tidak mengendahkan pengajaran (Al-Qur'an yang diturunkan Allah) Yang Maha Pemurah, maka kami (Allah) akan adakan baginya syaitan untuk menghasut dan menyesatkannya), lalu menjadilah syaitan itu temannya yang tidak akan berenggang daripadanya.”

Ke muka 24

Hijrah merupakan strategi ketuhanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 November. - Tema Sambutan Awal Tahun Hijriah pada tahun ini 'Menghayati Wawasan Hijrah' adalah tepat dan salah satu wawasan menegakkan kalimah Allah (Ugama-Nya) dan menjalankan hukum-hukumnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Sambutan Tahun Baru Hijriah 1435 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Terdahulu, baginda bertitah menyatakan ketika peristiwa hijrah bilangan umat Islam belumlah

ramai, namun kerana keimanan dan ketakwaan yang subur di dada, menjadikan mereka satu umat yang hebat dan kuat.

Jumlah yang sedikit ini, titah baginda, tidaklah menghalangi untuk mereka berhadapan dengan musuh, yang memang diketahui lebih ramai dan lebih kuat.

“Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah bukanlah kerana takut, tetapi hijrah adalah merupakan *strategi ketuhanan* yang dilihat mampu untuk mengasuh jiwa agar bersikap lebih cekal dan lebih berani,” titah baginda.

Dari itu, tanpa kecekalan dan keberanian, tidak akan wujud cerita jihad di jalan Allah dan pengorbanan, titah baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena Sambutan Tahun Baru Hijriah 1435. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).



Muka 3

DPMM dianugerahkan
Warga Kehormat Rejimen
Pasukan Khas ABDB



Muka 12 & 13

HIJRAH mendorong
perubahan lebih baik

Pembinaan kampus UNISSA mercu tanda kemajuan Daerah Temburong

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin Wa'ala 'Alihi
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita dapat berhimpun pada hari ini dalam majlis Hafut Takharruj Kali Ke-3 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Pada kesempatan ini, beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan para graduan dan juga setinggi-tinggi tahniah kepada para ibu bapa, penjaga dan pensyarah di atas didikan dan pengorbanan mereka sehingga membawa para graduan sekalian beroleh kejayaan. Dengan kejayaan ini, maka bertambahlah lagi bilangan para ilmuwan yang diharapkan untuk menjadi benteng bagi melawan rempuhan globalisasi yang semakin menggugat.

Sebagai contoh, isu-isu jenayah global, propagasi *ulama internet* dan kefahaman-kefahaman songsang yang bertentangan dengan Al-Qur'an dan As-Sunnah, pada masa ini, dilihat sebagai berleluasa. Siapakah yang patut menghadapi semua ini kalau bukan kaum terpelajar?

Semakin kita bersungguh-sungguh mendaulatkan syiar Islam, semakin mudah kita diganggu. Contohnya, belum pun sampai sehari selepas kita melancarkan Akta Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, sudah macam-macam respons negatif mendatangi kita. Respons-respons itu sudah tentu, berdasarkan kaca mata mereka yang kabur terhadap Islam.

Ini janganlah hendaknya mengherankan kita, kerana Al-Qur'an dan Al-Hadis, semenjak lebih dari 1,400 tahun lagi, sudah pun memberitahu perkara ini. Oleh itu, tidaklah perlu untuk membuang-buang masa menunggu atau mengharap kaca mata yang kabur ini akan berubah atau bertukar menjadi terang, tidak perlu. Kerana ianya tidak mungkin berlaku.

Yang penting, respons di kalangan rakyat adalah Alhamdulillah semuanya baik, menandakan kefahaman mereka adalah tinggi. Bahkan kita juga mendapati respons sebahagian orang luar juga, ada yang turut memuji kita. Namun semua puji-pujian itu kita pulangkan ia kepada Allah jua.

Di sana ada pula pihak yang bercakap tentang hak asasi manusia, yang kononnya, langkah kita mendaulatkan Undang-Undang Allah ini adalah sebagai berundur ke belakang dan kuno. Ini tidaklah memeranjatkan kita, kerana memang, kita dan mereka mempunyai tanggapan yang berbeza. Perspektif mereka hanya lahir dari *rasa hati*, sementara perspektif kita, turut bertolak dari Hukum Tuhan.

Berbalik lagi kepada UNISSA. Pusat ini hendaklah berazam untuk melahirkan cendekiawan bertaraf ulama. Mereka inilah kelak akan menjadi tonggak kekuatan kita,



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Hafut Takharruj Ke-3 Universiti Islam Sultan Sharif Ali Bagi Tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi pada hari Sabtu, 28 Zulhijah 1434H / 2 November 2013M, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

di mana kekuatan itu amat diperlukan oleh negara.

Untuk mencapai matlamat yang besar ini, UNISSA tentu saja memerlukan barisan sumber tenaga manusianya yang berkualiti, terutama tenaga akademik. Tanpa ini, semua harapan tidak akan menjadi kenyataan.

Dalam pada, itu, ukuran kualiti juga hendaklah dikenal pasti, sesuai dengan moto 'Islam Tulin' dan jati diri MIB.

Kita, sama sekali tidak boleh bertolak ansur membiarkan UNISSA untuk dibawa memilih landasan lain dari landasan Ahli Sunnah Waljamaah.

Ini sangat penting dalam usaha kita mencari nilai tambah bagi UNISSA.

Seterusnya mengenai perkembangan UNISSA, beta gembira mengetahui bahawa UNISSA sedang mengunggulkan beberapa kursus, di samping juga mempunyai program ijazah undang-undang dan syariatnya, yang diharapkan dapat membantu pelaksanaan Akta Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah yang sedang bergerak menuju fasa pelaksanaannya itu. UNISSA bukan saja dilihat sebagai wadah untuk mendalami ilmu undang-undang, malahan juga selaku mekanisme untuk turut menangani hambatan-hambatan semasa serta berfungsi bagi menolak atau melawan kritikan-kritikan ke atas Undang-Undang Allah oleh mereka yang tidak memahaminya.

Dalam bidang pembangunan infrastruktur pula, beta juga gembira, yang UNISSA adalah

sedang bergerak ke arah itu. Seperti juga pada masa ini, Kerajaan beta telah pun membangunkan sekolah-sekolah Arab hampir di kesemua daerah, maka beta dari sudut kesesuaiannya, amatlah cenderung jika Kampus UNISSA itu didirikan di Daerah Temburong.

Dengan berdirinya Kampus Universiti ini di Temburong, tidak syak lagi ia akan menjadi mercu tanda kepada kemajuan Temburong. Temburong dengan sendirinya akan menjadi pusat ilmu dan tamadun Islam. Seperti saja kita terbayang bahawa Temburong akan lebih cepat berkembang serta menjadi lebih menarik pada masa hadapan. Bayangkan saja, dengan adanya jambatan kelak, perjalanan daripada Bandar Seri Begawan hanyalah akan mengambil masa yang singkat.

Akhirnya, beta mengambil peluang untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh ahli Majlis UNISSA, ahli-ahli Senat, pentadbiran UNISSA, seluruh warga UNISSA serta ibu bapa dan penjaga para graduan yang turut sama-sama hadir bagi meraikan kejayaan anak-anak mereka.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati segala usaha kita untuk UNISSA.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

6 NOVEMBER 2013 BERSAMAAN 1435 محرم 2

BERHIJRAH MENEGAKKAN KALIMAH ALLAH

KITA kini berada di Tahun Baru Hijriah 1435. Menyebut tentang hijrah ini, kita sebagai umat Islam akan mengingatkan kita kepada hijrah Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang penuh dengan cabaran. Di samping itu hijrah juga adalah bagi penetapan kalendar umat Islam dan semestinya usia kita akan bertambah, iaitu suatu isyarat tentang perubahan yang pasti berlaku, yang sepatutnya mampu untuk mendatangkan keinsafan kepada kita semua.

Peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah satu langkah yang dibuat oleh Baginda dalam menegakkan syiar Islam dan demi memperkasakan umat Islam. Penyatuan dua golongan iaitu Muhajirin dan Ansar telah melahirkan perpaduan, persepakatan dan keharmonian, dan yang lebih penting persaudaraan sesama Islam dan seterusnya menjadi pencetus meluasnya daulah Islamiah kerana hijrah tersebut didorong oleh rasa keimanan dan ketakwaan yang kuat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita amat bersyukur yang tidak terhingga kerana dapat menyambut kedatangan Tahun Baru 1435 Hijriah dalam keadaan aman, damai dan harmoni. Dan meninggalkan tahun Hijriah 1434 dengan penuh kenangan yang manis dan penuh sejarah, kerana sepanjang tahun lalu negara kita telah menjadi tumpuan dunia luar kerana mampu dan berjaya mengendalikan pelbagai persidangan yang besar seperti Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 dan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 dan sidang yang berkaitan dengannya.

Satu lagi peristiwa yang menjadi sejarah dan membuka mata negara-negara dunia antarabangsa ialah apabila Negara Brunei Darussalam mengagazetkan Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah yang berkuat kuasa enam bulan selepas 22 Oktober 2013 secara berfasa. Pengumuman akta ini, walaupun ada negara lain tidak menyenangkannya tetapi sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa, tanggungjawab terhadap Allah Subhanahu Wata'ala telah tertunai.

Menyentuh dengan sambutan Awal Tahun Hijriah pada tahun ini yang membawa tema; 'Menghayati Wawasan Hijrah' adalah amat bertepatan untuk mendorong kita selaku umat Islam di negara ini terus kepada perubahan iaitu dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lebih baik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah sempena Sambutan Tahun Hijriah 1435 pada hari Isnin, 1 Muharam 1435 / 4 November 2013, berpendapat bahawa salah satu wawasan hijrah tersebut ialah menegakkan Kalimah Allah (Ugama-Nya) dan menjalankan hukum-hukumnya.

Baginda bertitah tohmahan orang bahawa Undang-Undang Allah itu lapok dan kejam adalah tidak benar, kerana melalui undang-undang ini 'hak asasi' sama ada manusia dan hak-hak makhluk yang lain akan dijaga dan terpelihara dan mereka yang melihatnya sebagai kejam hanyalah orang jahil dan tidak mengenali Islam sama sekali.

Titah baginda itu adalah bertepatan dengan hijrah negara kita ke arah melaksanakan Undang-Undang Allah. Kerana pada hakikatnya hijrah yang kita lakukan walau sekecil manapun perubahan itu ia akan lebih bermakna jika dilakukan dengan pengetahuan, kesedaran, keinsafan serta iltizam dan istiqamah kerana Allah Subhanahu Wata'ala, kerana perubahan yang baik itu, bukan sahaja akan meninggalkan kesan yang baik kepada diri sendiri, malah juga kepada masyarakat dan negara keseluruhannya.

Dengan yang demikian akan mendorong kepada kita semua untuk terus menaburkan bakti kepada agama, bangsa dan negara yang kita cintai. Hijrah juga merangkumi perpindahan kepada hidup yang lebih baik, lebih maju, lebih mulia dan lebih bermakna serta berada pada lingkungan rahmat dan kerendahan dari Ilahi. Jika kita tidak sanggup berhijrah, mustahil kejayaan akan tercapai dan kemajuan umat tidak akan berhasil. Ingatlah bahawa Islam tidak menyuruh kita berdiam dan menunggu Allah Subhanahu Wata'ala memberi sesuatu kepada kita tanpa berusaha.

Justeru, bersempena dengan tahun baru ini, sama-samalah kita membarui azam, untuk terus berjasa dan berbakti kepada Islam, dengan menyumbang apa saja, demi kesuciannya. Jalani tahun baru ini dengan azam baru dan hasilah ia dengan amal takwa, insya-Allah, kejayaan dan kebahagiaan akan menunggu kita dan seterusnya menamakan tekad dan azam untuk menuju ke arah kecemerlangan supaya menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang beriman dan melakukan amalan-amalan yang diperintahkan Allah Subhanahu Wata'ala serta meninggalkan segala amalan yang dilarang dan diharamkan-Nya. 'SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU HIJRIAH 1435'.
- Ketua Penyuntingan. (Zs)

Raman Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
 32°C / 24°C	 31°C / 24°C	 32°C / 24°C
 32°C / 25°C	 32°C / 25°C	 32°C / 25°C
 30°C / 23°C	 30°C / 23°C	 31°C / 24°C
 32°C / 24°C	 32°C / 24°C	 33°C / 25°C
 32°C / 23°C	 31°C / 24°C	 32°C / 24°C
 32°C / 23°C	 31°C / 24°C	 32°C / 24°C

Walaupun Blesawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerbangan Awam
Telefon: 2255143 (sambutan) 15861551 atau Talian Cuaca: 114

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentty Haji Arifin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz
Siti Noorzaimah Haji Noorall

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Raimi Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

DPMM dianugerahkan Warga Kehormat Rejimen Pasukan Khas ABDB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Upacara Penganugerahan Warga Kehormat Rejimen Pasukan Khas ABDB kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jeneral ABDB.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman, Aryentty Haji Ariffin
Foto : Masri Osman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Hernie Suliana Haji Othman

PENANJONG, Isnin, 4 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menganugerahkan Warga

Kehormat Rejimen Pasukan Khas ABDB kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB, berlangsung di Kompleks Padang Tembak Binturan, Penanjong Garison, di sini.

Terdahulu, keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang

Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Upacara penganugerahan bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Penolong Ketua Jabatan Agama ABDB, Kapten Ariffin bin Amit dan diikuti dengan pembacaan warkah penganugerahan.

Kebawah DYMM kemudian menganugerahkan Warga Kehormat Rejimen Pasukan Khas ABDB kepada DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Anugerah Warga Kehormat Rejimen Pasukan Khas ABDB yang diperkenankan ke atas DYTMM merupakan penganugerahan di atas peranan, kepimpinan serta sumbangan DYTMM kepada

perkembangan ABDB semenjak DYTMM dikurniakan pangkat Jeneral ABDB pada 25 Mac 2004 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai Jeneral ABDB, DYTMM sentiasa peka dengan perkembangan semasa dan hal-hal kebijakan anggota-anggota ABDB selain memainkan peranan penting dalam meningkatkan imej serta profil ABDB melalui keberangkatan DYTMM ke institusi-institusi tentera dan pertahanan di luar negara dan juga menerima kunjungan hormat pegawai-pegawai kanan tentera serta pertahanan dari luar negara ke Negara Brunei Darussalam.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB berkenan menganugerahkan Lencana Rejimen Pasukan Khas ABDB kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Jeneral ABDB.

KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Jeneral ABDB berkenan bergambar ramai.

Dari muka 3

Peranan ini telah mendukung usaha-usaha Diplomasi Pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara sahabat dari seluruh dunia.

DYTM adalah seorang pemimpin yang berwibawa dan komited dalam mendukung kepimpinan bijaksana lagi berdaulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya dalam bidang pertahanan.

Lencana Rejimen Pasukan Khas melambangkan kedaulatan dan ketaatan unit khas ini kepada agama, raja, bangsa dan negara, manakala 'Tangkas Berani' pula adalah sebagai moto yang ditanam dalam hati setiap anggota unit sebagai kata semangat dan pegangan individu.

Beret marun dikenali di seluruh dunia sebagai unit khas dan perbezaan ini menjadi satu lambang kebanggaan dan keberanian bagi ahli-ahli unit tersebut.

Rejimen Pasukan Khas telah menerima penganugerahan beret marun pada 19 Ogos 2004 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara




KEBAWAH DYMM, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB berkenan menandatangani lembaran kenangan keberangkatan.



KEBAWAH DYMM, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB dan DYTM, Menteri Kanan di JPM dan Jeneral ABDB berkenan menerima pesambah.

Brunei Darussalam.

Sementara sejarah penggunaan 'Commando Dagger' bermula dari Perang Dunia Kedua dan ianya digunakan sebagai senjata tempur rapat, yang mana Rejimen Pasukan Khas mengambil tradisi ini dan mengadaptasikan dagger sebagai sebahagian daripada seragam unit elit ABDB.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Jeneral ABDB berkenan menandatangani lembaran kenangan keberangkatan (kiri atas sekali). Kebawah DYMM dan DYTM menerima tabik kehormatan dari anggota-anggota Rejimen Pasukan Khas (kanan atas sekali). Antara persembahan menarik daripada Pasukan Rejimen Pasukan Khas iaitu payung terjun dan penyerahan Anugerah Warga Kehormat Rejimen Pasukan Khas ABDB (atas kiri dan kanan).

ANUGERAH Warga Kehormat Rejimen Pasukan Khas ABDB yang diperkenalkan ke atas DYTM merupakan penganugerahan di atas peranan, kepimpinan serta sumbangan DYTM kepada perkembangan ABDB yang telah dibacakan oleh Kolonel (L) Haji Aznan bin Haji Julaihi.

Doa Kesyukuran sempena Hari Peladang, Petani, Penternak, Nelayan 2013

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Oktober. - Negara ini akan menyambut Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan pada 1 November bertepatan 'Makanan Terjana Negara Selamat' diadakan sejak 2009 lalu.

Tema tersebut tahun ini dikekalkan berdasarkan sama-sama menanai bagi memastikan bekalan makanan daripada hasil pertanian, penternakan dan perikanan di negara ini adalah mencukupi, halal, berkualiti, selamat dan pada kadar mampu semata-mata untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Beberapa acara telah disusun oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) antaranya Majlis Sembahyang Berjemaah Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Hari Peladang, Petani, Penternak

dan Nelayan 2013 di Masjid Ash-Shaliheen, di sini.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sunat Hajat, membaca Surah Yaa Siin, bertahlil dan membaca doa khas yang dipimpin oleh Haji Mohd. Aslan bin Haji Mestusin dan diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis keagamaan itu dihadiri oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Pada tahun lalu, peladang, petani dan penternak telah berupaya menyediakan hampir seratus peratus pembekalan ayam pedaging dan telur ayam, 86 peratus pembekalan sayur-sayuran dan hampir 25 peratus pembekalan buah-buahan bagi



MAJLIS Sembahyang Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran Sempena Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2013 dihadiri oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

keperluan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sementara itu, nelayan-nelayan kita pula telah berupaya menyediakan kira-kira 90 peratus pembekalan ikan, udang dan makanan laut.

Bagi industri pertanian, penternakan termasuk agrimakanan, nilai pengeluaran industri-industri ini pada 20 tahun yang lepas hanyalah sebanyak BND70 juta. Sekarang,

ianya telah mencecah BND241 juta iaitu meningkat melebihi tiga kali ganda. Dari jumlah tersebut, nilai pengeluaran industri ternakan adalah sebanyak BND140 juta (58 peratus), industri tanaman sebanyak BND44 juta (18 peratus) dan industri agrimakanan sebanyak BND57 juta (24 peratus).

Manakala, industri perikanan pula pada 20 tahun yang lepas, nilai

pengeluaran industri ini sebanyak BND17 juta. Sekarang, ianya mencecah BND82 juta iaitu meningkat hampir lima kali ganda. Dari jumlah tersebut, nilai pengeluaran industri tangkapan sebanyak BND72 juta (88 peratus), industri akuakultur sebanyak BND3 juta (4 peratus), industri pemprosesan makanan laut sebanyak BND6 juta (8 peratus) dan industri ekopelancongan marin sebanyak BND0.5 juta (1 peratus).

Kukuhkan pendekatan, strategi jalur lebar negara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

dikendalikan oleh pakar-pakar daripada Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (International Telecommunications Union-ITU) dan Suruhanjaya Komunikasi Korea (Korea Communication Commission - KCC).

Hadir selaku tetamu kehormat pada bengkel tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Ali dan Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Yakhup bin Haji Menudin.

Bengkel bermula dengan ucapan alu-aluan dari oleh Awang Haji Yakhup.

Seorang penceramah dari ITU, Encik Shameer dalam taklimatnya menyentuh mengenai inisiatif-inisiatif

penting jalur lebar dan ITU di peringkat serantau dan global.

Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Kementerian Perhubungan, Dayang Hajah Siti Hairmi binti Haji Ibrahim pada bengkel ini menerangkan mengenai inisiatif kerajaan dan aspirasi jalur lebar di negara ini, selain menjelaskan mengenai peranan pembangunan jalur lebar dalam konteks visi Kementerian Perhubungan ke arah 'Masyarakat Pintar' menjelang 2017 dan sumbangan kepada pencapaian Wawasan 2035.

Manakala seorang lagi pakar dalam bidang telekomunikasi, Encik Matthew O'Rourke berkongsi penemuan dan penghantaran misi atau tugas luaran dengan memberi tumpuan kepada kepentingan mempunyai dasar jalur lebar yang berkesan.

Bengkel ini diakhiri dengan perbincangan terbuka dibantu oleh pakar-pakar dari ITU dan KCC.

Antara tujuan bengkel berkenaan ialah mengetengahkan pandangan



ANTARA yang hadir mendengarkan taklimat pada Bengkel Jalur Lebar Kebangsaan.

holistik pelbagai sektor tentang kepentingan jalur lebar serta visi dan aspirasi pihak yang berkepentingan untuk tugas jalur lebar di Negara Brunei Darussalam.

Pada masa yang sama, bengkel juga dihasratkan dapat berkongsi maklumat dan penemuan sepanjang tugas luaran melalui soal selidik dan temu bual dengan pihak kementerian yang terpilih dan pihak berkepentingan ICT.

Kerja-kerja misi luaran dan bengkel akan digunakan untuk menghasilkan semakan semula Pelan Tindakan Jalur Lebar Kebangsaan Kementerian Perhubungan yang pertama disediakan pada tahun 2008.

Semakan semula Pelan Tindakan Jalur Lebar Kebangsaan akan menggariskan pendekatan lanjut dan strategi jalur lebar negara yang akan membantu negara ini memenuhi Wawasan 2035.

Bacaan Ratib Al-Attas memohon keselamatan dari kemalangan jalan raya



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam berserta para jemaah semasa membaca tahlil beramai-ramai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Oktober. - Kementerian Perhubungan mengadakan Sembahyang

Fardu Maghrib dan diikuti Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, membaca Ratib

Al-Attas dan tahlil diadakan di Masjid Sufri Bolkih, Kampung Perpindahan Burong Pinggai Berakas,

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

di sini.

Hadir ke majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) Negara Brunei Darussalam.

Majlis diadakan bertujuan untuk sama-sama memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya negara ini, terutama sekali pengguna-pengguna jalan raya sentiasa diberikan perlindungan, di samping meningkatkan kesedaran

orang ramai mengenai keselamatan jalan raya.

Majlis ini merupakan kali kelima dianjurkan oleh Kementerian Perhubungan dan ianya dilaksanakan bagi sama-sama menyahut seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir.

Dalam hubungan ini, MKKJR menyarankan dan menasihatkan semua pengguna jalan raya supaya sentiasa berwaspada dan bertanggungjawab ketika

berada di jalan raya dengan memandu berhati-hati, berdisiplin, bertimbang rasa serta mematuhi undang-undang dan peraturan lalu lintas jalan raya bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku dan demi menjaga keselamatan bersama.

Juga hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Ali, ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan ketua jabatan, pegawai-pegawai Kementerian Perhubungan, ahli-ahli MKKJR, guru-guru dan penuntut-penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassan Bolkih.

Hari Pos Sedunia disambut dengan kegiatan keagamaan



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir selaku tetamu hormat.

SUNGAI AKAR, Isnin, 28 Oktober. - Setiap 9 Oktober adalah sambutan Hari Pos Sedunia seperti yang telah ditetapkan oleh Universal Postal Union (UPU) dalam mesyuaratnya di Jepun tahun 1969.

UPU sendiri adalah merupakan organisasi pos antarabangsa yang dirasmikan pada 9 Oktober 1874 di Bern, Swiss.

Sempena Hari Pos Sedunia itu, Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) tidak

lupa untuk menyambut dengan mengadakan beberapa kegiatan keagamaan.

Antaranya ialah Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkia,

Kampung Sungai Akar, di sini.

Majlis kemudian disusuli dengan Sembahyang Sunat Hajat dan seterusnya diikuti dengan membaca Surah Yaa Siin, bertahlil dan doa kesyukuran yang dipimpin oleh iman masjid berkenaan.

Hadir di majlis itu, Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar selaku tetamu hormat.

Juga hadir termasuklah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Idris bin Md. Ali; Pemangku Ketua Pos Agung, Awang Haji Mohamad Manan bin Haji Lakim, pengarah-pengarah, timbalan pengarah serta pegawai kanan dan kakitangan kementerian tersebut dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Selain memperingati Hari Pos Sedunia, majlis juga bertujuan untuk memohon kepada Allah agar warga kakitangan JPP akan sentiasa diberikan perlindungan ketika menjalan tugas harian dan juga kepada warga pos yang telah kembali ke rahmatullah.

Tujuan Hari Pos Sedunia adalah untuk mewujudkan kesedaran tentang peranan sektor pos bagi kehidupan seharian di kalangan rakyat dan perniagaan serta sumbangannya kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara-negara anggota. Sambutan juga menggalakkan negara-negara anggota untuk menjalankan aktiviti-aktiviti program yang bertujuan untuk menjana kesedaran yang lebih luas tentang peranan pos mereka dan aktiviti-aktiviti dalam kalangan orang awam dan media pada skala kebangsaan.

Negara Brunei Darussalam menganggotai UPU pada 15 Januari 1985 setahun setelah mencapai kemerdekaan.

Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

Bahasa Inggeris alat komunikasi signifikan



KOMANDAN Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Leftenan Kolonel Hasme bin Haji Abd. Wahab semasa berucap.

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

PENANJONG GARISON, Isnin, 28 Oktober. - Bahasa Inggeris merupakan salah satu alat komunikasi yang amat signifikan sebagai penghubung sesama masyarakat di seluruh dunia secara amnya dan dengan negara-negara luar khususnya.

Komandan Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Leftenan Kolonel Hasme bin Haji Abd. Wahab menekankan perkara itu semasa merasmikan Kursus Bahasa Inggeris Bagi Angkatan Tentera Dari Luar Negara di Pusat Evolusi, Penanjong Garison, Tutong.

Beliau juga menegaskan bahawa kemahiran berbahasa Inggeris mampu menggerakkan ASEAN agar terus maju ke hadapan dan berdaya saing dalam era globalisasi.

Turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Pertama dan Atache kedutaan-kedutaan yang terlibat.

Kursus Bahasa Inggeris ini sudah dikendalikan oleh Pusat Evolusi, Institut Latihan ABDB selama tiga tahun berturut-turut.

Penyertaan bagi pengambilan kali keempat ini melibatkan pegawai dan anggota tentera berpangkat Leftenan Kolonel, Mejar, Kapten, Leftenan, Pegawai Waran dan Sarjan.

Kursus ini menerima sambutan yang memberangsangkan daripada enam buah negara ASEAN iaitu lapan tentera dari Angkatan Tentera Diraja Kemboja, lapan tentera dari Angkatan Tentera Rakyat Laos dan lima tentera dari Angkatan Tentera Rakyat Viet Nam termasuk dua Tentera Nasional

Indonesia yang akan tiba kemudian.

Pengambilan keempat ini juga mencatat peristiwa bersejarah kerana ini adalah kali pertama lima anggota Angkatan Tentera Myanmar dan dua anggota Angkatan Tentera Diraja

Thailand mengambil bahagian dalam kursus ini.

Keseluruhannya, seramai 30 tentera menyertai Kursus Bahasa Inggeris berkenaan.



ANTARA peserta Kursus Bahasa Inggeris Bagi Angkatan Tentera Dari Luar Negara.

KDB Darulaman akhira latihan maritim

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

MUARA, Isnin, 28 Oktober. - KDB Darulaman yang belayar pada 9 September bagi menyertai ADMM-Plus Maritime Security Field Training Exercise (FTX) diikuti International Fleet Review (IFR) Tentera Laut Diraja Australia (TLDA) di Sydney, Australia bagi

memperingati 100 tahun pelayaran masuk Armada TLDA ke pelabuhan Sydney telah selamat tiba di Jeti Bravo, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), di sini.

Kerahan tugas yang menyertai kapal berkenaan melibatkan 69 anggota dan pegawai yang diketuai oleh Pegawai

Pemerintah kapal tersebut, Mejar (L) Willie bin Padan.

Pelayaran tersebut mengambil masa hampir dua bulan melalui Lautan Sulawesi hingga Lautan Coral di Australia dan pada pelayaran balik melalui Lautan Timor dan Lautan Java dengan jumlah jarak pelayaran melebihi 9,400 batu Nautika.

KDB Darulaman juga telah membuat perhentian di Brisbane, Australia bagi pelepasan kastam.

Penyertaan KDB Darulaman juga menjadi satu saluran bagi penyelarasan latihan bersama 14 tentera laut asing yang mengambil bahagian dalam latihan FTX.

Sementara itu, KDB Darulaman berlepas dari Brisbane ke Teluk Jervis, Australia bersama kapal tentera laut yang terlibat dan apabila tiba KDB Darulaman terlibat dengan ADMM-Plus Maritime Security Field Training Exercise, yang mengutamakan 'maritime interdiction operations', selain melibatkan eksekutif penggeledahan dan 'Critical Contact Of Interest (CCOI) Tracking'.

Pada 5 Oktober yang lalu, KDB Darulaman menyertai 42 kapal perang, 16 kapal layar dan tiga kapal awam daripada 14 buah negara bagi



ANGGOTA TLDB yang mengikuti pelayaran jarak jauh bersama Kapal KDB Darulaman menadah tangan sebaik doa selamat dibacakan sejeurus tiba di Pangkalan TLDB Muara Garison.

'International Fleet Review TLDA'.

IFR TLDA 2013 diperiksa oleh Gabenor Jeneral Australia, Puan Yang Terutama Quentin Bryce melalui 'sail pass' kapal-kapal berlabuh yang ikut serta dan menerima tabik hormat di kapal HMAS Lewin.

KDB Darulaman tersebut berlepas dari Sydney pada 8 Oktober lalu dan berhenti di Surabaya, Republik Indonesia bagi perhentian logistik dan

lawatan muhibah dalam pelayaran balik ke Jeti Bravo, TLDB, Muara yang tiba pada 28 Oktober 2013.

Turut hadir mengucapkan selamat datang ialah Pemerintah TLDB, Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Halim bin Haji Mohammad Hanifah.

Juga hadir ialah pegawai-pegawai kanan dan anggota TLDB serta keluarga.



KAPAL KDB Darulaman sebaik tiba di Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) Muara Garison.

Brunei ambil berat penjagaan awal kanak-kanak

NEW DELHI, INDIA. - Negara Brunei Darussalam menyedari bahawa zaman awal kanak-kanak merupakan peringkat penting dalam pembangunan utama setiap individu.

Ini kerana ia menjadi asas kepada pendidikan masa depan, kesejahteraan dan kebajikan seseorang kanak-kanak sekali gus dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara.

Pembangunan dan penjagaan awal kanak-kanak juga tidak hanya merangkumi hal ehwal pendidikan mereka tetapi juga meliputi bidang lain seperti kesihatan, nutrisi, perlindungan, 'gender' dan kerjaya masa depan.

Untuk itu, Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat akan isu pembangunan dan penjagaan awal kanak-kanak yang mana pelbagai langkah dan program telah diadakan.

Di antara langkah utama yang telah dibuat ialah menyediakan perkhidmatan pendidikan dan kesihatan yang percuma bagi kanak-kanak serta akses kepada pelbagai bidang lain seperti perumahan, sanitasi, air bersih dan terhindar daripada sebarang bentuk penganiayaan dan eksploitasi.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menekankan perkara itu semasa menghadiri Mesyuarat Peringkat Tertinggi Mengenai Kerjasama Selatan-Selatan Bagi Hak Kanak-Kanak Di Asia dan Pasifik Ke-2 yang diadakan di New Delhi, India pada 25 Oktober 2013.

Mesyuarat tiga hari (23-25 Oktober) anjuran Kementerian Pembangunan

Wanita dan Kanak-Kanak India dengan kerjasama Tabung Kanak-Kanak dan Pendidikan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) itu dirasmikan oleh Minister of State (Independent Charge), Puan Yang Terutama Mrs. Krishna Tirath.

Mesyuarat yang disertai 33 buah negara itu dihadiri oleh 21 menteri berserta para delegasi terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Dipengerusikan oleh Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak India, Puan Yang Terutama Ms. Nita Chowdhury, mesyuarat kali ini turut dihadiri oleh beberapa perwakilan dari UNICEF dan organisasi-organisasi antarabangsa yang lain seperti Persatuan Asia Selatan Bagi Kerjasama Serantau (SAARC), Sekretariat Komuniti Pasifik (SPC), Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Asia dan Pasifik (UN ESCAP) dan Bank Pembangunan Asia (ADB).

Selaras dengan tiga tema utama mesyuarat iaitu 'Adolescents: Current Rights for Future Opportunities, Fulfilling Child Rights With Early Childhood Development and Urban Settings as an Opportunity for Realizing All Child Rights', mesyuarat memberikan fokus kepada isu-isu berkaitan dengan hak kanak-kanak terutama yang menyentuh dengan perlindungan, survival dan pembangunan mereka.

Dalam sesi perbincangan terbuka para delegasi telah membincangkan pelbagai isu termasuk masalah dan cabaran yang dihadapi oleh lebih kurang 1.2 bilion kanak-kanak di rantau Asia dan Pasifik.

Para delegasi juga berkongsi

pengalaman mengenai dengan inisiatif, kemajuan dan amalan-amalan terbaik yang telah dilaksanakan di negara masing-masing terutama selepas Deklarasi Beijing yang dikeluarkan semasa mesyuarat pertama di Beijing, China pada tahun 2010.

Dalam sesi *country statement*, Yang Mulia Datin Paduka juga mengongsikan mengenai langkah-langkah dan program-program dalam pelbagai bidang lain ke arah kemajuan dan pembangunan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam.

Sejak tahun 1979 Negara Brunei Darussalam telah mula memperkenalkan Sistem Pendidikan Pra Sekolah yang akan memberi peluang kepada kanak-kanak yang berumur lima tahun memulakan persekolahan mereka secara formal.

Menyedari betapa pentingnya pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak, kerajaan telah meletakkan perkara ini sebagai agenda utama dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan bagi tempoh 2007-2011 dan 2012-2017.

Sementara itu, kerajaan juga telah memperkenalkan Akta Pendidikan 2003, Akta Pendidikan Wajib 2007, Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012, Dasar Pendidikan Inklusif 1994 dan Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak 2006.

Pada masa ini kanak-kanak yang berumur sembilan tahun dan ke bawah berjumlah lebih kurang 16 peratus daripada keseluruhan penduduk.

Dalam hubungan ini program-program lain telah disediakan oleh kerajaan termasuk perkhidmatan

kesihatan percuma yang mana dalam Strategi dan Dasar Penjagaan Kesihatan Yang Komprehensif di bawah Kementerian Kesihatan, fokus utama yang diberikan perhatian ialah terhadap penjagaan kesihatan ibu-ibu terutama penjagaan semasa mengandung dan selepas melahirkan.

Negara Brunei Darussalam telah dapat meningkatkan pencapaian dan berjaya mencapai sasaran bilangan 4, 5, dan 6 seperti yang digariskan di dalam Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs).

Bagi perlindungan dan pemulihan kanak-kanak, Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 2006 telah diadakan dan menyedari akan pentingnya peranan keluarga dalam pendidikan dan

penjagaan awal kanak-kanak, Negara Brunei Darussalam juga telah memberi penekanan terhadap peranan institusi keluarga.

Menurut Yang Mulia Datin Paduka, walaupun pelbagai kemajuan telah dicapai dalam pembangunan kanak-kanak, isu yang masih menjadi cabaran negara masa kini ialah dari segi sumber tenaga manusia seperti kekurangan tenaga pengajar yang berkemahiran bagi pendidikan peringkat prasekolah, program dan latihan yang terbaik bagi penjaga kanak-kanak di pusat penjagaan kanak-kanak terutama bagi kanak-kanak yang berumur di bawah tiga tahun dan juga usaha ke arah meningkatkan pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti di pusat-pusat penjagaan kanak-kanak dan di sekolah-sekolah pra.

Dari segi kesihatan pula ialah usaha ke arah mengurangkan keadaan obesiti dalam kalangan kanak-kanak.

Yang Mulia Datin Paduka juga menyuarakan kebimbangan mengenai dengan impak negatif daripada media sosial yang disalahgunakan dan boleh menyebabkan pertambahan kes-kes *sex-related crime, cyber bullying* dan *cyber related issues*.

Melalui mesyuarat kerjasama seperti ini, Negara Brunei Darussalam mengharapkan ia akan dapat membantu negara-negara anggota membentuk sebarang dasar atau strategi ke arah meningkatkan pembangunan awal kanak-kanak di rantau ini.

Sebagai usaha ke arah meningkatkan lagi komitmen negara-negara anggota dalam isu yang berkaitan dengan hak kanak-kanak terutama yang berkaitan dengan pembangunan dan penjagaan awal kanak-kanak, mesyuarat kali ini telah mengeluarkan 'Deklarasi New Delhi'.

Deklarasi ini antara lain menekankan bahawa hak kanak-kanak adalah asas kepada semua budaya dan masyarakat memandangkan pembangunan, perlindungan, kesihatan, pendidikan dan penglibatan kanak-kanak sangat penting untuk pertumbuhan ekonomi dan perkembangan manusia.

Selain itu, Deklarasi ini juga merupakan panduan kepada negara-negara anggota dalam mengenal pasti isu-isu utama, kesimpulan, cadangan-cadangan dan komitmen untuk tindakan masa hadapan bagi Negara-Negara Kerjasama Selatan-Selatan.

Delegasi negara ini turut disertai beberapa pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kanser payudara punca utama kematian kalangan wanita

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 Oktober. - Kanser menjadi punca utama kematian di Negara Brunei Darussalam sejak lebih kurang satu dekad.

Menurut perangkaan dari Buku Maklumat Kesihatan 2012, jumlah kes penyakit kanser yang dilaporkan telah hampir mencecah 25 peratus daripada keseluruhan punca kematian di negara ini.

Pegawai Perubatan di Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Hajah Norol-Ehsan binti Haji Abdul Hamid berkata, penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit jantung dan penyakit diabetes adalah punca utama kematian di peringkat global.

Katanya, di kalangan wanita khususnya, kanser payudara bukan sahaja kanser yang paling lazim berlaku di kalangan wanita di negara ini tetapi ianya juga adalah punca utama kematian di kalangan wanita di negara ini.

"Di antara kes-kes kanser, sebanyak 19 kes kanser payudara adalah penyebab utama kematian di kalangan wanita di negara ini dan sebanyak 22 kes pula dilaporkan pada tahun 2011 sementara 21 kes kanser payudara lagi dilaporkan pada tahun 2010," jelas beliau pada Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Kanser Payudara 2013.

Beliau yang juga selaku Pengerusi Bersama Majlis Perasmian Kempen Kesedaran Kanser Payudara 2013, menjelaskan kempen tersebut bertujuan memperingati Bulan Kesedaran Kanser Payudara bagi meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya para wanita mengenai penyakit tersebut dan juga langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil.

Kempen juga bertujuan sebagai satu langkah untuk mengelakkan peningkatan kadar dan kejadian kanser payudara di negara ini yang dianjurkan oleh Kementerian berkenaan bersama dengan Pusat Kanser Brunei dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

khususnya Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei yang telah bekerjasama dengan Laneige Brunei Darussalam.

Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei adalah sebuah *non-profit* Persatuan Sukarelawan Bukan Kerajaan yang diwakili oleh sekumpulan pesakit kanser payudara, sukarelawan dan profesional perubatan.

"Objektif utamanya untuk memberi sokongan emosi, kaunseling dan maklumat yang betul kepada pesakit dan ahli keluarga mereka, membantu mereka untuk mencapai pemulihan yang maksima dari segi fizikal, psikologi dan kosmetik," tambahnya.

Kumpulan ini menurutnya juga adalah sebagai satu landasan untuk memberikan sokongan asasi bagi wanita untuk berkongsi sama pengalaman mereka dan membantu antara satu sama lain mana-mana kesulitan, ketakutan, kehampaan dan kefahaman mengenai penyakit tersebut termasuk mana-mana rawatan yang diberikan.

Katanya, selain daripada pelancaran kempen, pihak penganjur juga telah merancang dan mengatur beberapa aktiviti bagi bulan Oktober 2013 dan yang akan dilartatkan ke bulan November nanti antaranya termasuk mengadakan ceramah mengenai kanser payudara, sesi perkongsian menghidap kanser payudara bersama pesakit kanser payudara, pameran mengenai kanser payudara dan sebagainya.

Beliau seterusnya berharap langkah-langkah itu nanti, wanita-wanita di negara ini akan lebih berkemahiran untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan bagi mencegah dan mengesan awal tanda-tanda kanser payudara sebagai salah satu langkah amalan cara hidup sihat seharian.

Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan mengadakan Kempen Kesedaran Kanser Payudara 2013 sempena memperingati Bulan Kesedaran Kanser Payudara yang jatuh pada bulan Oktober setiap tahun.

Majlis Pelancaran kempen tersebut disempurnakan oleh isteri Menteri Kesihatan, Datin Paduka Hajah Salmah binti Haji Abu Hanafiah selaku tetamu kehormat di Gedung Perniagaan Utama Grand, The Mall, Gadong, di sini.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian *mock-cheque* oleh Pengarah Urusan Syarikat Laneige Kosmetik Brunei, Dayang Patricia Li kepada wakil Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei, Yang Di-Pertuanya, Datin Hajah Sahaidah binti Awang Haji Taib yang berjumlah BND4,070.

Majlis juga diserikan dengan persembahan daripada ADN Fitness dan diikuti dengan lawatan aktiviti-aktiviti kempen oleh tetamu kehormat ke pemeriksaan BMI dan tekanan darah bersama Syarikat Jerudong Park Medical Centre (JPMC) Fitness, menyaksikan pameran kesihatan dari PPK, Pusat Kanser Brunei dan Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei dan tunjuk ajar pemeriksaan sendiri payudara melalui *breast model* serta percetakan kemeja T individu bersama Syarikat Aewon Printing.

Selain itu, beberapa acara dan aktiviti juga melibatkan orang ramai antaranya, aktiviti ketahanan sukan bersama JPMC, pemeriksaan kesihatan dan kaunseling, jualan *t-shirt* dan riben merah jambu.



PENGARAH Urusan Syarikat Laneige Kosmetik Brunei, Patricia Li semasa menyerahkan *mock cheque* kepada wakil Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei, Yang Di-Pertuanya, Datin Hajah Sahaidah binti Awang Haji Taib.



ISTERI Menteri Kesihatan, Datin Paduka Dayang Hajah Salmah binti Haji Abu Hanafiah, selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Kanser Payudara 2013.

Pameran Perkahwinan Impian bantu bakal pengantin

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Oktober. - Dalam membantu dan memberi persediaan kepada bakal-bakal pengantin untuk majlis perkahwinan mereka dari segi produk dan perkhidmatan bagi majlis yang sesuai dengan konsep raja sehari, Times Square Shopping Centre dengan sokongan Songket Wedding Event Company telah mengadakan pameran 'Dream Wedding: Exquite and Majestic' di Ruang Atrium, Times Square Shopping Centre, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan pameran tersebut ialah Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail berserta isteri, Pengiran Datin Hajah Zakiah binti Pengiran Haji Md. Yassin.

Pameran selama lima hari yang bermula hari ini sehingga 3 November 2013 meliputi semua aspek-aspek persediaan majlis perkahwinan termasuk fesyen pengantin, pameran fotografi dan perkhidmatan yang berkaitan dengan majlis perkahwinan.

Dengan bertemakan 'Exquite and Majestic', Times Square menampilkan produk-produk dan pelbagai perkhidmatan yang mewujudkan majlis perkahwinan yang bersesuaian dengan konsep raja sehari yang dihasratkan untuk memberi peluang kepada pereka-pereka fesyen pakaian pengantin dari Malaysia untuk berkunjung buat pertama kali ke negara ini dan sekali gus sebagai sumber publisiti pelancongan bagi Negara Brunei Darussalam.



PENGERUSI Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail, selaku tetamu kehormat dan isteri, Pengiran Datin Hajah Zakiah binti Pengiran Haji Md. Yassin semasa meninjau ke salah sebuah pondok pameran yang mengambil bahagian dalam ekspo tersebut.



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang mengikuti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP) 2013.

dikelolakan dan ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Jepun dengan kerjasama negara-negara ASEAN.

Penyertaan negara ini adalah kali ke-28 sejak penyertaan rasmi pertama negara pada tahun 1985.

Program ini telah dipersetujui bersama oleh ketua-ketua negara ASEAN dan Jepun melalui Memorandum Persefahaman yang ditandatangani pada tahun 1974 di mana negara ini menyertai program itu sejak tahun 1984 selaku negara pemerhati.

Objektif program tersebut adalah bertujuan untuk mengukuhkan persahabatan dan memupuk persefahaman di antara generasi muda terutama golongan belia serantau dan Jepun ke arah kerjasama di semua bidang di masa akan datang.

Selain itu, ianya juga untuk bertukar-tukar pendapat dan pandangan di samping memperkenalkan budaya masing-masing serta mengenal semangat serta memahami persefahaman dan perbezaan masing-masing kerana ini adalah penting kepada bakal pemimpin.

Dua peserta belia yang menyertai SSEAYP, Awangku Mohammad Najib bin Pengiran Haji Mulek dan Dayang Nuranisa binti Rani merasa bangga kerana terpilih dan sekali gus dapat mengangkat nama negara melalui persembahan kebudayaan dan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan di atas kapal.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Oktober. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam terdiri daripada 28 belia dan seorang ketua kontinjen mengikuti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara (SSEAYP) 2013 selama 51 hari bermula pada 28 Oktober 2013 hingga 17 Disember 2013 berlepas meninggalkan negara ini.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada kontinjen negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad selaku tetamu kehormat.

Kontinjen negara mengikuti program SSEAYP kerana ianya memberikan peluang kepada mereka tentang cara hidup dan berinteraksi secara sihat di atas kapal di samping para peserta terlibat secara langsung melawat dan mempelajari negara-negara dan penduduk tempatan yang ditemui.

SSEAYP merupakan program pertukaran belia antarabangsa yang dilaksanakan khusus untuk para belia di negara-negara ASEAN dan Jepun. Ia juga adalah program tahunan yang bermula sejak tahun 1974 yang

SSEAYP beri peluang pelajari pelbagai budaya

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

"Dengan menyertai program ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan kami sesama peserta di samping mengetahui budaya negara masing-

masing," jelas Awangku Mohammad Najib yang masih lagi berkhidmat di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Menurut Dayang Nuranisa, 23, beliau yang kali pertama menyertai program tersebut telah menyiapkan diri dari segi fizikal dan mental dan penyertaan itu katanya bukan sahaja dapat menimba pengalaman bersama para peserta yang lain bahkan dapat berkongsi ilmu pengetahuan bersama mereka.

Pilih wakil sertai PEDAPIS serantau

Berita dan Foto : Ihsan KUPU SB

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah mengadakan Pidato Pendidikan Islam (PEDAPIS) Peringkat KUPU SB Ke-2 bagi mewakili kolej berkenaan ke Pertandingan PEDAPIS Peringkat Serantau yang dijangka berlangsung pada pertengahan bulan November depan.

Pidato peringkat KUPU SB tersebut telah diadakan pada hari Jumaat, 25 Oktober lepas bertempat Dewan Utama KUPU SB sempena Majlis Konvokesyen Ketiga kolej berkenaan bagi tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Dekan Pelajar KUPU SB, Awang Haji Roslan bin Haji Untong.

Pertandingan dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar dan Persatuan Pelajar KUPU SB dengan dikendalikan oleh Jawatankuasa Kesenian dan Kebudayaan Islam dengan matlamat untuk memartabatkan pendidikan Islam di rantau ini, di samping sebagai salah satu media dan kaedah bagi menyampaikan dan menyebarkan kepentingan pendidikan Islam kepada orang ramai itu.

Seramai sembilan orang peserta terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB menyertai pertandingan berkenaan.

Johan pada pertandingan berkenaan disandang oleh Dayang Fatimah Zahrah binti Haji Hanifah, mahasiswi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Syariah, Tahun 2, KUPU SB dengan menerima wang tunai BND100 berserta piala pusingan dan piala iringan berserta cenderamata dan sijil penyertaan.

Sementara Dayang Siti Hurul-Ain Diyana @ Vieana binti Abdul Majid, mahasiswi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Usuluddin, Tahun 4, KUPU SB

dan Dayang Siti Nabilah binti Ariffin juga mahasiswi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Usuluddin, Tahun 1 masing-masing mendapat tempat kedua dan ketiga.

Tempat kedua dan ketiga juga masing-masing memenangi hadiah wang tunai sebanyak BND80, BND50 berserta piala iringan, cenderamata dan sijil penyertaan.

Antara tujuan PEDAPIS diadakan ialah untuk melahirkan pemidato yang berkualiti serta berkemampuan tinggi dari kalangan pelajar KUPU SB; mencungkil bakat-bakat pemidato yang terpendam dari kalangan pelajar KUPU SB, selain memperkukuhkan kedudukan dan martabat guru pendidikan Islam serta menjalin hubungan antara institusi-institusi pendidikan agama di rantau ini.

Tema pertandingan ialah 'Merealisasikan Generasi Guru Pendidikan Islam Cemerlang'.



DEKAN Pelajar KUPU SB, Awang Haji Roslan bin Haji Untong semasa menyampaikan hadiah kepada johan Pemidato, Dayang Fatimah Zahrah binti Haji Hanifah.

Agama Islam bersifat universal, syumul



KETUA Pendakwa Syarie Unit Perkembangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Johar bin Haji Mohammad hadir selaku wakil peribadi pada Forum Pendidikan Kewangan Islam sempena Majlis Konvokesyen Ke-3 Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Oktober. - Islam adalah agama yang bersifat universal dan syumul. Hukum Islam tidak hanya terhad pada persoalan ibadat sahaja malahan meliputi aktiviti-aktiviti yang merangkumi berbagai bidang seperti

kenegaraan, ekonomi dan sosial. Islam terdiri daripada tiga elemen iaitu aqidah, syariah dan akhlak.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Penolong Pensyarah, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dayang

Waiduri binti Haji Mohd. Ali semasa membentangkan kertas kerjanya pada Forum Pendidikan Kewangan Islam sempena Majlis Konvokesyen Ketiga KUPU SB berlangsung di Dewan Utama kolej berkenaan, di sini.

Beliau yang juga merupakan salah seorang ahli panel forum menjelaskan bahawa sistem pula merupakan prinsip atau peraturan yang teratur yang membolehkan dan memudahkan manusia mencapai matlamat yang dikehendaki.

Oleh itu katanya, sistem kewangan Islam adalah sebahagian daripada keseluruhan sistem ekonomi Islam. Ianya terdiri daripada peraturan-peraturan mengenai kelakuan perdagangan yang mempercepatkan laluan dana daripada pembeli kepada penjual dan daripada menyimpan kepada peminjam yang mana prinsip dan amalnya berlandaskan prinsip syariah.

Perbezaan juga diakui sama oleh seorang lagi ahli panel forum tersebut, Penolong Pengurus, Jabatan Syariah, dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Awang Muhammad Takzimallah bin Haji Ahmad Sanuddin yang juga menjelaskan tentang prinsip-prinsip syariah yang diguna

pakai dalam produk-produk BIBD.

Selaku sebuah institusi kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam, bank Islam tegasnya, sememangnya sangat mementingkan akad-akad syariah yang diguna pakai yang mana rukun dan syarat sesuatu akad tersebut dibuat dan dijaga dengan betul.

“Pada pandangan mata kasar kita mungkin tidak dapat membezakan antara sistem kewangan Islam dan konvensional, iaitu dengan memberi contoh sistem perbankan yang mana orang ramai mungkin tahu atau menilai bahawa sesebuah institusi kewangan itu mengamalkan kewangan Islam melalui nama bank itu sendiri,” ujarnya.

Dalam jawapan itu, beliau menjelaskan perbezaan yang jelas bahawa bank Islam mengikut garis panduan atau landasan syarak iaitu mengikut konsep-konsep muamalat seperti jual beli, ijarah, wakalah (ejen), musharakah dan sebagainya manakala bank kewangan pula ialah meminjamkan duit dengan memberikan caj yang lebih (riba).

Ahli panel seterusnya, Pengurus Jabatan Syariah, BIBD, Dayang Hajah Hanifah Jenan dalam forum yang bertajuk ‘Sistem Kewangan Islam: Keunggulan dan Keberkatannya’ itu pula menjelaskan bahawa sistem perbankan Islam sebagai penyedia kepada solusi kewangan Islam berteraskan syariah melalui produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Beliau menekankan perlu ada suatu pihak yang dapat meneliti atau memastikan bahawa aktiviti atau muamalah yang dilakukan oleh bank dan pelanggan adalah syariah compliant (patuh syarak) atau dengan kata lain selari dengan prinsip dan kehendak syarak.

“Jabatan Syariah merupakan jentera penggerak kepada badan penasihat syariah dalam memastikan aktiviti perniagaan dan operasi BIBD adalah patuh syarak,” terangnya.

Hadir selaku tetamu dalam forum yang bertajuk ‘Sistem Kewangan Islam: Keunggulan dan

Keberkatannya’ ialah Ketua Pendakwa Syarie, Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Johar bin Haji Mohammad selaku wakil Peribadi Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Pada forum tersebut, Timbalan Dekan Fakulti Syariah, KUPU SB, Pengiran Hajah Norwidayawati binti Pengiran Haji Metusin selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa yang juga mewakili Dekan Fakulti Syariah, Dr. Hajah Noor Hira binti Haji Noor Kaseh selaku Pengerusi majlis berkata sistem kewangan Islam adalah satu bidang yang amat menarik untuk dibincangkan.

Ini jelasnya kerana sistem kewangan tersebut adalah satu-satunya sistem yang seimbang dan mampu memberikan jaminan ekonomi yang mantap dalam kehidupan khususnya di negara Islam serta berupaya memenuhi keperluan umat Islam terhadap perbankan dan kewangan menurut lunas-lunas syariah secara komprehensif selaras dengan prinsip-prinsip muamalat Islam dan bebas daripada amalan riba.

Beliau seterusnya berharap melalui forum itu akan dapat membuka minda dan kesedaran para pelajar khususnya dan masyarakat umumnya supaya tidak terpengaruh dengan sistem-sistem kewangan yang tidak mengikut syariat Islam.

Moderator di forum itu ialah Penolong Pensyarah, Fakulti Syariah, KUPU SB, Dayang Hajah Aisyah Radiah @ Hajah Rosni binti Gani.

Dengan adanya forum tersebut akan menjelaskan konsep sistem kewangan Islam menurut perspektif Islam, di samping mendedahkan keunggulan produk-produk yang dilaksanakan oleh pihak bank Islam di negara ini.

Selain itu, ianya juga untuk menyedarkan dan mendidik masyarakat tentang keperluan bagi melaksanakan sistem kewangan yang selari dengan tuntutan syarak.



ANTARA yang hadir pada Forum Pendidikan Kewangan Islam sempena Majlis Konvokesyen Ke-3 KUPUSB.

Waqaf Ilmu peluang tingkat amal jariah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Oktober. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri akan mengukuhkan Waqaf Ilmu sempena penubuhannya ke-19 tahun sejak 7 November 2003 dengan mengusahakannya secara lebih meluas lagi, teratur dan terancang agar memberi maklumat yang secukupnya kepada orang ramai.

Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan, JMK, Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha berkata Program Waqaf Ilmu pada asalnya dinamakan Waqaf Buku-Buku Terbitan JMK yang telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2002.

“Matlamat Waqaf Ilmu ini adalah untuk memberi peluang seluas-luasnya kepada umat Islam yang ingin beramal jariah, terutama bagi yang mampu dan berkecenderungan, di samping untuk memastikan agar perpustakaan awam, masjid dan institusi pendidikan, terutamanya di negara ini memiliki setiap buku terbitan JMK,” jelas Awang Haji Mohidin pada Sidang Media yang berlangsung di Bilik Syura 2, bangunan JMK, di sini.

Beliau menjelaskan, kemudahan bagi umat Islam beramal jariah melalui Waqaf Ilmu ini menyediakan sebanyak tujuh pakej Waqaf di mana pewaqaf boleh memilih sebanyak mana pakej waqaf yang ditawarkan dan harga pakej terendah ialah BND40.00 bagi 10 naskah buku yang ditentukan.

Tambahnya, orang ramai yang ingin beramal jariah Waqaf Ilmu ini boleh mengisikan borang dengan memilih pakej waqaf yang dikehendaki serta memilih tempat berwaqaf.

“Sejak ianya dilaksanakan, banyak perpustakaan awam, masjid dan institusi pendidikan di dalam dan luar negeri seperti United Kingdom, Korea Selatan, Malaysia, Republik Singapura dan Republik Indonesia mendapat manfaat dengan memiliki buku-buku terbitan JMK untuk menjadi bahan bacaan dan rujukan yang diwaqafkan dari pewaqaf yang sebelumnya,” ujarnya.

Jelasnya, bayaran boleh dibuat secara tunai atau memasukkan wang bayaran terus ke akaun Tabung JMK di Bank Islam Brunei Darussalam seperti yang tertera di borang berkenaan dan menghantar borang yang telah lengkap ke Bahagian Penerbitan dan Penerangan, JMK atau fax ke

2237699.

Mereka yang berhasrat menyertai Waqaf Ilmu berkenaan boleh berhubung terus ke Bahagian Penerbitan dan Penerangan JMK di alamat Simpang 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan atau menghubungi di talian 2224955 sambungan 501 & 507 atau 2237699.

Katanya, buku-buku yang tersenarai dalam Waqaf Ilmu ini mengandungi fatwa-fatwa dan hukum-hukum hidupan harian yang perlu diketahui dalam kehidupan kita.

Sementara itu, JMK juga telah menerbitkan buku terbitan terbaru dalam versi Melayu dan Inggeris hasil karya Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned daripada 11 siri ceramah berdasarkan kuliah yang disampaikan di masjid-masjid negara ini untuk menerangkan tentang keindahan Undang-Undang Jenayah Syaria’ah.

Dua Buku tersebut adalah ‘Qanun Jenayah Syaria’ah: Satu Pengenalan’ dan ‘The Shari’ah Penal Code: An Introduction’ yang telah dilancarkan baru-baru ini oleh Kebawah DYMM semasa Pelancaran Majlis Ilmu 2013.

Tujuan buku-buku ini diterbitkan adalah untuk menyangkal anggapan




BUKU-BUKU berkenaan bolehlah dibeli pada sepanjang Pameran Majlis Ilmu 2013 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

sebahagian pihak yang mengatakan Undang-Undang Jenayah Syaria’ah adalah usang dan tidak layak untuk dilaksanakan agar dapat membuka mata bahawa undang-undang syaria’ah jauh lebih unggul, tidak berubah-ubah dan lebih menyeluruh dibandingkan dengan hukum konvensional buatan manusia.

Buku ini mengandungi tiga bab iaitu

tentang Qishash, Hudud dan Ta’zir dijual dengan harga BND14.00 senaskah bagi kulit keras dan BND10.00 kulit nipis.

Manakala di sepanjang Pameran Majlis Ilmu 2013 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, buku-buku ini akan dijual dengan potongan harga 20 peratus, BND12.00 bagi kulit keras dan BND8.00 bagi kulit nipis.



Sambungan minggu lepas

IMAM as-Sayyid al-Bakri Rahimahullahu Ta'ala menjelaskan perkataan Imam al-Malibari Rahimahullahu ta'ala di atas dalam kitab I'anat ath-Thalibin dengan berkata: "Yakni makruh mengikut (berimam) kepada orang yang kulup iaitu yang tidak berkhatan sama ada sebelum baligh atau selepasnya, kerana boleh jadi dia tidak memelihara apa yang menjadi syarat sah sembahyangnya, apalagi syarat sahnya menjadi imam, iaitu membersihkan (membasuh) kulupnya yang terkena air kencingnya, kerana apabila ia (kulup itu) wajib dibersihkan atau wajib dibuang, maka apa yang dibawahnya dikira sebagai anggota zahir."

(I'anat ath-Thalibin, 2:47)

Tetapi mengikut Imam as-Subki Rahimahullahu dan pengikutnya jika tidak ada imam yang lain, maka tidaklah makruh, bahkan lebih afdal berimam kepadanya berbanding jika sembahyang bersendirian.

Maka adalah boleh berniat menjadi makmum kepada kanak-kanak yang layak dan sah melakukan sembahyang, tetapi masih berkulup yang boleh jadi telah membersihkan kulupnya atau belum. Namun jika pasti dan diyakini kulupnya atau mana-mana anggotanya tidak

Kanak-kanak menjadi makmum atau imam sembahyang

bersih daripada bekas air kencingnya atau najis lain, maka tidak boleh berimam dengannya kerana sembahyangnya tidak sah dengan sebab dia bernajis.

• Adakah luput fadhilat sembahyang jemaah jika ada kanak-kanak lelaki yang belum berkhatan yang tidak diketahui adakah dia membersihkan qulfaahnya (kulupnya) atau tidak berada dalam saf jemaah lelaki dewasa dan adakah boleh kanak-kanak ini dikeluarkan dari saf mereka itu?

Dalam kitab Bughyah al-Musyarsyidin al-Imam as-Sayyid 'Abdullah bin 'Omar Bin Abu Bakar Bin Yahya rahimahullahu Ta'ala ada berkata bahawa:

"Jika ada di dalam saf sesiapa yang tiada sah sembahyangnya seperti ada najis padanya, atau ada lahn (seperti tidak betul bacaan Fatihahnya) atau ada pada saf yang di hadapan orang yang berkeadaan sedemikian, maka tiadalah luput fadhilat (tidak hilang kelebihan pahala) berjemaah ke atas orang-orang yang berdiri di belakang mereka, sekalipun lebih jauh saf mereka dari saf orang yang sah sembahyangnya, sekadar boleh muat seorang berdiri pada masalah yang pertama (iaitu ada najis padanya atau ada lahn) dan lebih jauh dari tiga hasta pada masalah yang kedua (iaitu ada pada saf yang di hadapan orang yang berkeadaan sedemikian), kecuali jika orang-orang yang berada pada saf-saf di belakang itu mengetahui akan batal sembahyang orang yang tersebut itu dan sembahyangnya itu tidak sah pada pendapat ulama yang sah bertaklid padanya dan mereka berkuasa mengeluarkan orang-orang yang

tidak sah sembahyang mereka itu dari saf-saf mereka dengan tiada takut (apa-apa kemudharatan) ke atas diri atau harta atau nama (apabila mereka mengeluarkan orang-orang yang tidak sah sembahyang mereka dari saf-saf mereka itu). Kerana fadhilat pahala berjemaah boleh diperolehi dengan mengikut seorang imam yang makmum tidak mengetahui imam itu berhadap (padahal dia berhadap), maka lebih utama tidak mengetahui akan batal sembahyang orang-orang yang dia tidak ada sangkut paut di antaranya dan di antara orang yang batal sembahyangnya itu, dan kerana berjauh-jauh (dari satu saf kepada satu saf) dengan ada suatu keuzuran seperti panas (seperti di Masjid Al-Haram ada saf jauh-jauh dan putus kerana panas terik matahari pada tempat-tempat lapang), tidak meluputkan fadhilat berjemaah. Maka begitu juga di sini (makmum yang batal sembahyangnya berada dalam saf-saf sembahyang) dan kerana dia berhadap di tempat itu dengan sebab dia telah datang dahulu serta taklidnya yang mengatakan sah sembahyang dan begitu juga jika dia tidak bertaklid (kepada mana-mana ulama) di atas asas bahawa orang awam itu tiada mempunyai mazhab."

Maka jika didapati kanak-kanak yang dibawa oleh bapanya duduk dalam mana-mana saf sembahyang dan tidak diketahui kanak-kanak itu sudah berkhatan atau tidak, dan tidak diketahui dia telah membersihkan qulfaahnya (kulupnya), maka menurut pendapat atau fatwa Al-'Allamah Al-Sayyid Abdullah bin Yahya yang di atas ini tiadalah perkara itu meluputkan

fadhilah sembahyang berjemaah dan adalah sah sembahyang orang yang berada dekat dengan kanak-kanak itu di dalam saf itu.


Mengenai perkara tidak boleh mengeluarkan kanak-kanak dari saf orang-orang dewasa ini juga telah disebutkan oleh al-Imam Ibnu Hajar rahimahullahu Ta'ala dalam kumpulan fatwanya:

"Qaul yang mu'tamad bahawa kanak-kanak laki-laki itu bila mereka mendahului orang-orang baligh dalam saf yang pertama, maka tiadalah harus (tiada boleh) orang-orang baligh itu mengeluarkan kanak-kanak laki-laki itu dari saf yang pertama, bersalahan dengan orang-orang khunsa (orang-orang yang tidak diketahui jantinya adakah lelaki atau perempuan kerana memiliki alat kemaluan lelaki dan perempuan atau tidak memiliki alat kemaluan lelaki dan perempuan) dan perempuan-perempuan hendaklah dikeluarkan mereka dari saf yang pertama sebagaimana saya (Al-Imam Ibnu Hajar) telah jazamkan dengan yang demikian itu dalam kitab saya Syarhu Al-Irsyad ibadatny."

Berdasarkan penjelasan di atas, dapatlah difahami bahawa sembahyang kanak-kanak yang sudah mumayyiz adalah sah kerana kanak-kanak itu dikira sudah berakal dan berkelayakan melakukan sembahyang. Sama ada sembahyang itu dilakukan secara bersendirian, menjadi makmum atau menjadi imam walaupun kanak-kanak itu masih belum berkhatan asalkan mereka dalam keadaan suci.

WALLAHU'ALAM

Laman Sosial 'Kebaikan dan Keburukannya'



PENGGUNAAN laman sosial semakin berleluasa di seluruh dunia. Negara kita Brunei Darussalam tidak terkecuali. Kemudahan teknologi elektronik pada zaman ini semakin hari semakin canggih, aplikasi "Whatsapp" misalnya adalah salah satu daripada medium sosial yang paling banyak pengunanya di Negara kita seiring dengan "Facebook", "Twitter" dan juga "Instagram".

Kemudahan-kemudahan seperti ini ada baik dan buruknya. Tertakluk pada pengguna untuk menggunakannya ke arah kebaikan atau keburukan. Di kebanyakan pejabat swasta dan awam, laman sosial telah di 'block' ini berlaku atas sebab kegilaan kaitangan menggunakan

laman sosial sehingga mengabaikan kerja. Antara kebaikan laman sosial ini adalah sebagai alat perhubungan bukan saja untuk kemudahan berhubung dengan ahli keluarga atau rakan, ianya juga berguna untuk berhubung dengan rakan sekerja. Sebagai alat pemasaran produk. Laman sosial ini amat berguna kepada sesetengah pihak yang menjalankan perniagaan di mana ianya dijadikan sebagai alat untuk memasarkan produk mereka. Sebagai alat untuk menyebarkan ilmu pengetahuan. Tidak dapat dinafikan laman sosial banyak membantu dalam penyebaran maklumat di mana ianya berlaku apabila sesuatu maklumat itu dikongsi dengan rakan-rakan yang lain. Contohnya ilmu keagamaan.

Keburukannya pula ialah Pembaziran masa. Penggunaan yang terlampau lama di dalam laman sosial mengakibatkan pembaziran masa berlaku. Contohnya aplikasi "games". Mengurangkan produktiviti. Ketagihan dengan laman sosial sekali gus telah mengurangkan produktiviti kerja. Majikan boleh menyekat pekerja mereka dari melayari laman sosial dengan 'block' laman-laman tersebut. Penipuan. Penipuan boleh berlaku di mana-mana sahaja termasuk juga

KEBURUKANNYA pula ialah Pembaziran masa. Penggunaan yang terlampau lama di dalam laman sosial mengakibatkan pembaziran masa berlaku. Contohnya aplikasi "games". Mengurangkan produktiviti. Ketagihan dengan laman sosial sekaligus telah mengurangkan produktiviti kerja. Majikan boleh menyekat pekerja mereka dari melayari laman sosial dengan 'block' laman-laman tersebut. Penipuan. Penipuan boleh berlaku di mana-mana sahaja termasuk juga di laman sosial. Contoh penipuan yang terdapat di laman sosial adalah seperti pelaburan haram.

di laman sosial. Contoh penipuan yang terdapat di laman sosial adalah seperti pelaburan haram.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar Ruum ayat 7 yang tafsirnya:

"Mereka hanya mengetahui yang zahir daripada kehidupan dunia sedang mereka lalai tentang (kehidupan) akhirat."

Jadi marilah kita muhasabahkan diri, gunakanlah kemudahan-kemudahan yang ada ke

arah kebaikan, jangan terlalu lalai dan leka akan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Jangan terlalu lalai dan mudah percaya akan segala sesuatu yang disebar di laman sosial, perlu kita teliti dan siasat akan kesahihannya. Kerana jika perkara itu tidak benar ianya boleh menjadi fitnah. Dan jika kita ikut menyebarkan sesuatu yang tidak benar tanpa usul periksa, kita juga akan turut menanggung dosanya. Nauzubillah.



Mengukuhkan Demokrasi Masyarakat Majmuk

FORUM Demokrasi Bali (Bali Democracy Forum - BDF) diwujudkan bagi membangun serta mempertahankan perbincangan dalam kalangan negara-negara Asia bagi mempromosikan pembangunan politik melalui dialog dan kerjasama untuk memperkuat kepatuhan terhadap nilai-nilai dan perkembangan lembaga-lembaga demokratik.

Selain itu, ia juga untuk mempromosikan kerjasama antara negara dalam perkembangan pelebagaan sosial dan politik dalam pemerintahan yang demokratik.

Oleh itu, BDF semakin penting bukan hanya bagi negara di Asia dan ini terbukti semakin bertambahnya jumlah peserta dan pemerhati yang hadir pada forum itu.

Berikutan penyertaan negara-negara dunia ke forum yang diadakan sejak tahun 2008, Republik Indonesia telah menjadikan BDF sebagai forum penting tempat persidangan untuk saling bertukar pandangan konstruktif, idea-idea dan pelajaran berdemokrasi.

Tahun ini merupakan BDF Kali Ke-6 yang akan berlangsung selama dua hari iaitu 7 hingga 8 November di Pusat Persidangan Antarabangsa Bali, Nusa Dua, dengan tema 'Mengukuhkan Demokrasi Dalam Masyarakat Majmuk' ('Consolidating Democracy in Pluralistic Society') dengan menekankan pentingnya pengukuhan dalam kehidupan masyarakat yang pelbagai bilang bangsa.

SEJARAH PERKEMBANGAN BDF

Sejak BDF yang pertama kali diadakan pada bulan Disember 2008, terdapat hanya 40 buah negara yang ikut serta dan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama pemimpin-pemimpin dunia yang lain semasa Forum Demokrasi Bali V pada tahun 2012.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Jabatan Penerangan

jumlahnya meningkat menjadi 80 negara termasuk pertubuhan antarabangsa serta 11 orang ketua kerajaan dan pemimpin negara menyertai forum tersebut pada tahun 2012.

Awal penubuhannya pada tahun 2008, agenda utamanya adalah mengukuhkan nilai-nilai demokrasi di Asia. Kemudian pelaksanaan BDF yang II dan III berjaya mendorong pengukuhan nilai-nilai demokrasi ke arah mewujudkan keamanan dan kestabilan, manakala perbincangan BDF IV mengenai perkembangan nilai demokrasi yang semakin kukuh pada peringkat serantau mahupun antarabangsa. Sementara BDF V membincangkan peningkatan nilai-nilai demokrasi di peringkat dunia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat menghadiri BDF V bertitah antara lain menyarankan perlunya ada keseimbangan antara pelbagai kepentingan, keprihatinan dan tanggungjawab dalam masyarakat masing-masing.

"Satu cabaran lagi adalah untuk memastikan negara dapat menterjemahkan prinsip-prinsip global tersebut dengan berhati-hati agar ia bersesuaian dengan cara hidup seharian rakyat masing-masing," titah baginda.

Baginda menyatakan itulah sebab utama forum tersebut dianjurkan supaya pandangan-pandangan boleh dikongsikan dalam kalangan

"SATU cabaran lagi adalah untuk memastikan negara dapat menterjemahkan prinsip-prinsip global tersebut dengan berhati-hati agar ia bersesuaian dengan cara hidup seharian rakyat masing-masing."

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan bergambar bersama Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. H. Susilo Bambang Yudhoyono bersama isteri sejourus keberangkatan tiba baginda di Bali International Convention Centre (BICC) pada Majlis Makan Malam Gala sempena Forum Demokrasi Bali V, Bali, Republik Indonesia.

para pemimpin, di samping mendengar pandangan daripada pembentang-pembentang yang terkemuka.

BDF, titah baginda telah berkembang sejak empat tahun lalu dan telah menjadi satu acara yang penting di dalam kalendar serantau. Ia merupakan salah satu usaha murni Presiden Republik Indonesia untuk menggalakkan kefahaman antarabangsa secara meluas.

Forum yang membahaskan mengenai demokrasi pertama kalinya dikendalikan pada peringkat kerajaan di kawasan Asia dan merupakan momentum sejarah di mana para perwakilan negara-negara Asia membincangkan mengenai demokrasi yang sebelumnya masih menjadi isu semasa di rantau itu.

BDF tidak tertumpu hanya pada satu sistem politik tertentu akan tetapi semua sistem politik yang mempunyai keinginan untuk mengembangkan demokrasi.

Oleh itu, setiap negara dengan sistem politiknya yang memiliki keinginan untuk mengembangkan demokrasi dapat ikut serta

memberikan sumbangannya dalam perkembangan demokrasi.

Pada forum yang akan berlangsung kali ini, memfokuskan pada perbincangan dan bertukar-tukar pengalaman mengenai perkembangan demokrasi di antara negara peserta selain sedaya upaya membantu negara yang mengalami peralihan demokrasi.

MENDUKUNG

Kewujudan forum tersebut diharap akan mengonsikan pengalaman, pemikiran dan idea bekerjasama dalam meningkatkan demokrasi walaupun dari berlainan sudut sistem politik negara ataupun pengaruh budaya yang berbeza.

Forum dilaksanakan berdasarkan keperluan melalui proses perbincangan yang komprehensif serta meliputi pertukaran pengalaman dan amalan terbaik dalam demokrasi, di samping sebagai platform untuk saling mendukung dan bekerjasama dalam konteks membangun demokrasi dan lembaga-lembaga politik.

Hijrah mendorong perubahan lebih baik



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menunaikan solat sempena Majlis Sambutan Awal Tahun 1435 Hijriah Peringkat Negara. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun 1435 Hijriah Peringkat Negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah kepada penerima Anugerah Bakti Hijrah Tahun 1435 Hijriah, Yang Mulia Pengiran Haji Merali bin Pengiran Ismail (kiri) dan juga kepada penerima Anugerah Bakti Hijrah Tahun 1435 Hijriah, Yang Mulia Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Timbang (kanan).



PARA jemaah yang hadir pada Majlis Sambutan Awal Tahun 1435 Hijriah Peringkat Negara.



DOA selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



BACAAN ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Pemenang Tempat Ketiga di Pertandingan Antarabangsa Kerajaan Hasyimiah Ke-21 Bagi Menghafaz, Membaca dan Mentafsir Al-Qur'an Bahagian Lelaki di Amman, Jordan Bagi Kategori 10 Juzuk Al-Qur'an, Awang Muhammad Hazri bin Haji Mohd. Hamzani.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun 1435 Hijriah Peringkat Negara dan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Tokoh Ugama/Jasawan Ugama dan Anugerah Bakti Hijrah Tahun 1434 Hijriah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1435 Hijriah beserta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Akhir Tahun 1434 Hijriah dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim dan diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin yang diselenggarakan kemudian dengan bacaan Doa Awal Tahun 1435 Hijriah.

Acara disusuli kemudian dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili, bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam terhindar dari bala bencana serta negara beroleh kemakmuran dan kesejahteraan.

Majlis Penganugerahan Tokoh Ugama/Jasawan Ugama dan Anugerah Bakti Hijrah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Pemenang Tempat Ketiga di Pertandingan Antarabangsa Kerajaan Hasyimiah Ke-21 Bagi Menghafaz, Membaca dan Mentafsir Al-Qur'an Bahagian Lelaki di Amman, Jordan Bagi Kategori 10 Juzuk Al-Qur'an, Awang Muhammad Hazri bin Haji Mohd. Hamzani dan kesimpulan maknanya dibacakan oleh Tenaga Pengajar Institut



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama kerabat diraja berkenan bergambar ramai dengan penerima-penerima anugerah.

Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya berharap penganugerahan itu akan memberi inspirasi dan motivasi bukan sahaja kepada para penerima, malah juga kepada kita semua untuk terus menaburkan bakti kepada agama, bangsa dan negara yang kita cintai ini.

Selain itu, sembah Yang Berhormat, beberapa acara iringan sempena Awal Tahun Hijriah juga telah disusun seperti pemberian hadiah kepada anak-anak yang lahir pada 1 Muharam 1435 Hijriah, Forum Hijriah, ceramah-ceramah di Kementerian-

kementerian, institusi pengajian, masjid-masjid dan mengadakan Riadah Hijriah.

Menyentuh mengenai tema majlis sambutan tahun ini, 'Menghayati Wawasan Hijrah', Yang Berhormat menambah, hijrah mendorong kita untuk terus kepada perubahan dari satu keadaan kepada satu keadaan yang lebih baik.

Yang Berhormat menegaskan, itulah hakikat hijrah yang walau sekecil manapun perubahan itu ia akan lebih bermakna jika dilakukan dengan pengetahuan, kesedaran, keinsafan, serta litizam dan istiqamah kerana Allah jua.

"Ini kerana perubahan yang baik itu, bukan sahaja akan meninggalkan kesan

yang baik kepada diri sendiri, malah juga kepada masyarakat dan negara keseluruhannya," tegas Yang Berhormat.

Kemuncak majlis ialah pemakluman Anugerah Tokoh Ugama/Jasawan Ugama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof, manakala pemakluman Anugerah Bakti Hijrah dibacakan oleh Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Marzuki bin Haji Abdul Rahman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya berkenan menyempurnakan pengurniaan

kepada penerima-penerima bagi kedua-dua kategori anugerah tersebut.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kemudian disusuli dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Awang Besar.

Sembahyang berjemaah dan doa kesyukuran bagi menyambut kedatangan Awal Tahun Hijriah 1435 juga turut diadakan di masjid-masjid, surau-suruau dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

Penganugerahan mendorong kembangkan syiar Islam

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 November. - Penerima Anugerah Tokoh Ugama Tahun 1435 Hijriah berikrar akan terus giat dan meningkatkan lagi syiar dan agama Islam di negara ini ke tempat yang sewajarnya.

Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin menjelaskan hal itu ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI selepas diisytiharkan sebagai penerima anugerah tersebut lewat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Yang Dimuliakan menyifatkan dengan penganugerahan itu akan dapat mendorong dirinya untuk meningkatkan lagi usaha-usaha bagi meninggikan agama Islam ke tempat yang sewajarnya supaya Islam itu sentiasa bertapak dan dimartabatkan di mana-mana di negara ini. Katanya, dengan anugerah itu juga akan bertambah lagi tanggungjawabnya dan akan sedaya upaya bagaimana menjalan dan melaksanakan tugasnya demi mengembangkan lagi syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

"Saya merasa amat bersyukur dan gembira kerana telah dianugerahkan dengan anugerah ini, hanya Allah saja akan dapat membalas jasa kepada ahli jawatankuasa penilai kerana telah memilih saya," jelas Yang Dimuliakan.

Beliau telah berkhidmat lebih 40 tahun dalam pelbagai jawatan bermula sebagai Pensyarah di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan sekarang menjawat jawatan sebagai Timbalan Mufti Kerajaan sejak tahun 1994.

Yang Dimuliakan adalah seorang Sarjana Muda Jurusan Tafsir dan Hadis dari Universiti Al-Azhar, Mesir.

Tokoh ini menerima wang tunai BND20,000 berserta sijil

penghormatan, cenderamata iringan dan kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan di negara ini.

Sementara penerima Anugerah Bakti Hijrah 1435 Hijriah, Pengiran Haji Merali bin Pengiran Haji Ismail pula menjelaskan penganugerahan itu disifatkan sebagai pengiktirafan atas segala yang diusahakan selama ini dalam menyemarakkan syiar Islam di negara ini.

Anugerah yang tidak disangka itu, katanya, merupakan berita gembira bukan saja bagi dirinya, tetapi juga bagi semua ahli keluarga. "Berita itu diterima ketika saya berada di luar negara dan terpaksa berges pulang ke esok harinya di sebelah malam bagi menerima surat anugerah," tambahnya.

Beliau mengucapkan ribuan terima kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui ahli jawatankuasa pemilihan.

Jelasnya, dengan anugerah itu ia akan dapat meningkatkan lagi keinginan diri untuk terus menyemarakkan syiar agama Islam di negara ini.

Pengiran Haji Merali berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam, berkhidmat selama 37 tahun dan jawatan terakhir sebelum bersara ialah Pegawai Ugama Kanan.

Beliau berusia 67 tahun masih terus menyumbangkan pemikiran dan pandangan yang membina bagi membantu Pusat Da'wah Islamiah khasnya dalam mempergiat dan mempertingkatkan gerakan dakwah.

Manakala seorang lagi penerima Anugerah Bakti Hijrah, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Timbang juga melahirkan rasa syukur dan gembira kerana terpilih menerima anugerah tersebut.

Katanya, penganugerahan yang tidak dijangka itu merupakan kejutan buat dirinya dan keluarganya kerana tidak menyangka selama ini kegiatan agama yang dijalankannya mendapat perhatian pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Beliau berusia 82 tahun pernah menjadi seorang anggota polis dalam tahun 50-an dan pernah dilantik menjadi Pegawai Haji pada tahun

1969. Awang Haji Mohd. Salleh juga seorang pelopor yang mengimarahkan Surau Kampung Panca Delima dengan perbelanjaan sendiri sehingga surau tersebut dapat dijadikan untuk para jemaah menunaikan Sembahyang Jumaat.

Pada tahun 80-an ketika bertugas di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kebiasaannya beliau membaca Surah Yaa Siin sebelum memulakan tugas dan kegiatan mengimarahkan surau menjadi ikutan di jabatan tempatnya bekerja.

Kedua-dua penerima Anugerah Bakti Hijrah menerima wang tunai BND10,000.00, sijil penghormatan, cenderamata iringan dan kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas pertama di mana-mana rumah sakit kerajaan di negara ini.



PARA penerima anugerah sempena Majlis Sambutan Awal Tahun 1435 Hijriah Peringkat Negara.



IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A)
DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT)
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

TARIKH IKLAN: 06 NOVEMBER 2013. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 20 NOVEMBER 2013. BILANGAN IKLAN:42/11/13 (SPA/BIKL)

PERATURAN 7 (a)

Syarat-Syarat Am :

- PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian Ugama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di negara ini.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**1. PEGAWAI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

SYARAT-SYARAT LAIN:

- Setiap pegawai sebelum ianya layak ditetapkan jawatannya, hendaklah lulus peperiksaan Jabatan dalam salah satu perkara-perkara berikut:
 - Undang-undang atau peraturan-peraturan yang dikawal oleh Kementerian atau Jabatan yang berkaitan dengan bidang tugas atau profesyen masing-masing.
 - Susunan organisasi dan fungsi Kementerian atau Jabatan.
 - Dasar-dasar, peraturan dan prosedur-prosedur pentadbiran Kementerian atau Jabatan.
 - Subjek-subjek lain yang ditetapkan oleh Kementerian atau Jabatan masing-masing.
- Peperiksaan ini akan dikendalikan oleh Kementerian atau Jabatan masing-masing.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN:

- Menangani dan menyediakan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Kebudayaan dan Kesenian secara substantif di peringkat kebangsaan.
- Menyediakan bahan-bahan maklumat yang berkaitan dengan penglibatan Bahagian Kebudayaan dan Kesenian dalam hal ehwal serantau dan antarabangsa seperti:
 - Menyediakan *briefing notes* dan ucapan bagi Mesyuarat Menteri-Menteri dan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan seperti *ASEAN, UNESCO, ASEM, Commonwealth, OIC, ISESCO, WIPO* dan lain-lain yang berkaitan.
 - Bertanggungjawab dalam penyediaan, kertas-kertas cadangan/konsep bagi projek-projek di bawah badan-badan serantau dan antarabangsa yang berkenaan dan diperlukan oleh Bahagian Kebudayaan dan Kesenian.
 - Menyelaras keperluan dan persediaan untuk menghadiri program dan aktiviti seperti teks ucapan, menghadiri mesyuarat, persidangan, lawatan kerja dan sebagainya di dalam dan luar negeri yang berkaitan dengan hal ehwal kebudayaan dan kesenian.
 - Menyediakan dan menganalisa kertas kerja yang dihadapakan dari luar negara yang berkaitan dengan bidang tugas kebudayaan dan kesenian.
 - Menangani secara langsung hal-hal yang berkaitan dengan *UNESCO* dan konvensyen serta penyediaan laporan-laporan ke *UNESCO*, kertas-kertas cadangan dan lain-lain.
 - Menghadiri bengkel-bengkel dan mesyuarat-mesyuarat yang diperlukan dalam konvensyen *UNESCO* dan yang berkaitan dengannya di dalam dan luar negara.
 - Selaku *focal point* / pegawai yang bertanggungjawab kepada penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam badan-badan kebudayaan dan kesenian di peringkat serantau dan antarabangsa.
 - Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pengarah Kebudayaan dan Kesenian dan wakil pengarah dari semasa ke semasa.

**2. PENOLONG PEGAWAI PERBEKALAN
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Pembelian dan Pembekalan / Pengajian Perniagaan / Pentadbiran / Pengurusan Perakaunan / Perakaunan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penyelenggara Stor Tingkat Khas dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI PERBEKALAN:

- Menyelaras hal ehwal penerimaan, penyimpanan, pengeluaran dan pemeliharaan barang-barang dengan sempurna.
- Menyediakan dan memastikan semua rekod / akaun / ledger / buku stok sentiasa kemaskini / teratur mengikut dasar / peraturan / sistem yang berkuatkuasa masakini.
- Menyelia / mengurus perancangan pembelian barang-barang mengikut permohonan / paras stok diperlukan.
- Menyediakan pesanan permohonan barang atau bagi penambahan stok.
- Melaksanakan pemeriksaan stok dan memastikan stok mencukupi dan terkawal.
- Menyediakan laporan / penyata hal ehwal kawalan stok, pemeriksaan stok, pelupusan / hapus kira terhadap barang-barang stor.
- Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**3. PENOLONG SETIAUSAHA BANDARAN
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT
DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Komputer / Pengurusan / Pentadbiran Perniagaan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Bandaran sebagai Penolong Pegawai Bandaran Tingkat II dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.
- Mengetahui Undang-Undang Bandaran dan yang berkaitan dengannya adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG SETIAUSAHA BANDARAN:

- Membantu dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas pentadbiran, pengurusan, operatif dan penyeliaan.
- Bertanggungjawab dalam membina maklumat dan data ke arah merealisasikan e-kerajaan sepertimana perancangan plan strategik jabatan.
- Membuat kerja-kerja penyelidikan serta perancangan dalam hal ehwal inovasi, penambahbaikan, pengurusan serta penguatkuasaan undang-undang.
- Menjalankan urusan dan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**4. PEGAWAI PENCEN-PENCEN KANAN
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=2**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang Sains Kemasyarakatan / Sains Sosial / Pentadbiran Awam / Pengurusan / Perdagangan / Kewangan atau bidang yang berkaitan dengan hal ehwal kewangan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Pembangunan Masyarakat sebagai Pekerja Kanan Pembangunan Masyarakat atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan hal ehwal kewangan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENCEN-PENCEN KANAN:

- Bertanggungjawab dalam bidang pengurusan dan pentadbiran kewangan dan pembayaran bagi pencen-pencen, bantuan kebajikan bulanan dan lain-lain pembayaran yang berkaitan dengan perkhidmatan kebajikan seperti bantuan-bantuan kepada mangsa-mangsa bencana alam, permohonan membuat atau membaiki rumah dan lain-lain.
- Memastikan kelicinan dan mengatur kerja-kerja kakitangan di dalam pengurusan pembayaran, penyiasatan dan lain-lain yang berkaitan.
- Memastikan pembayaran pencen-pencen dan bantuan kebajikan bulanan dibuat pada waktu yang telah ditetapkan pada setiap bulan.

**5. PEMBANTU PEGAWAI KEBAJIKAN PERUBATAN
JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.4-5 EB.6 (\$900 - \$1,850 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Sains / Pentadbiran / Kaunseling / *Communication* / *Hospitality* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2 / D.1 atau M.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
- Fasih bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.
- Berpengalaman dan berminat dalam kerja kebajikan dan sukarela adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU PEGAWAI KEBAJIKAN PERUBATAN:

- Membantu Pegawai Kebajikan Perubatan untuk menilai dan merancang pengajaran sosial bagi pesakit yang mengalami masalah sosial.
- Membantu Pegawai Kebajikan Perubatan untuk membantu pesakit dan keluarga mereka kembali menyesuaikan diri di dalam masyarakat.
- Membantu dalam membuat penyelidikan, perancangan/strategi serta memberikan pandangan bagi memastikan perkembangan dan kemajuan perkhidmatan Kebajikan Sosial Perubatan akan lebih berkesan dan efisien.
- Membantu dalam membuat penilaian sosio-ekonomi termasuk tempat tinggal pesakit dan seterusnya membantu menyediakan laporan atau sokongan untuk disalurkan ke agensi-agensi berkenaan.
- Membantu Pentadbiran Am Unit Kerja Kebajikan Perubatan.
- Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN
BAGI BILANGAN 1 HINGGA 5:
KAUNTER PERMOHONAN TINGKAT 2
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TEL NO: 2381961 / 2380455 / 2381337 SAMBUNGAN 588
& 574 (BHG. PENGAMBILAN)
TEL NO: 2381961 SAMBUNGAN 585 (BHG. IKLAN)**

Dari muka 14

IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

**GH6. PSIKOLOGIS (KESIHATAN AWAM)
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN=4**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Psikologis atau bidang bersesuaian.
2. Mempunyai keahlian dengan Badan-Badan Profesional antarabangsa adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PSIKOLOGIS (KESIHATAN AWAM):

1. Mengambil peranan sebagai Pegawai Perkhidmatan V (*Clinician V*) dalam bidang Psikologi di dalam menjalankan tugas-tugas klinikal termasuk membuat pemeriksaan dan membuat diagnosis klinikal (*Clinical Diagnosis*) tentang permasalahan/penyakit yang memerlukan rawatan kaedah Psikologi.
2. Menjalankan kaedah rawatan yang efektif di dalam pemulihan atau rehabilitasi permasalahan Psikologi klien dengan piawaian atau persetujuan Pegawai Psikologis yang terlatih dan berkemahiran.
3. Membantu Psikologis yang kanan dalam menjalankan kerja-kerja harian samada dari segi pentadbiran atau klinikal harian.
4. Menyediakan dan menghadapkan laporan kepada Psikologis yang kanan jika diperlukan.
5. Membantu dan bertanggungjawab mengendalikan pentadbiran dan pengurusan Perkhidmatan Psikologi Klinikal di Hospital-Hospital, Pusat-Pusat Kesihatan dan Klinik-Klinik di daerah yang ditentukan.
6. Melakukan lawatan ke Hospital-Hospital, Pusat-Pusat Kesihatan atau Klinik-Klinik di semua daerah.
7. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan, sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut:

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH6:

**UNIT PENGAMBILAN KAKITANGAN
JABATAN PERTADBIRAN
TINGKAT 1, BANGUNAN KEMENTERIAN KESIHATAN
JALAN MENTERI BESAR /
JALAN COMMONWEALTH DRIVE
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH6 ADALAH PADA HARI RABU 20 NOVEMBER, 2013

**GH7. PEGAWAI PENYELIDIK
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan professional yang sebanding dalam bidang bersesuaian.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Asing adalah kelebihan

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENYELIDIK:

1. Meningkatkan kepentingan Negara melalui perhubungan dengan negara-negara lain di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa dan juga melalui pertubuhan-pertubuhan berbagai hala yang mana Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli.
2. Membuat kertas kerja serta penilaian dan cadangan kedudukan negara terhadap perkembangan dua hala, serantau dan antarabangsa di bidang-bidang seperti politik, keselamatan, ekonomi dan sosial.
3. Membuat penyelidikan dan menyediakan kertas kerja mengenai cadangan dan sokongan dasar luar Negara Brunei Darussalam dan penubuhan hubungan diplomatik dengan negara luar.
4. Menyediakan 'brief' dan laporan untuk sesuatu lawatan tertentu dan mesyuarat-mesyuarat dua hala dan berbagai hala serta mengambil tindakan-tindakan lanjut terhadap mesyuarat-mesyuarat yang telah dihadiri.
5. Membuat kerja-kerja protokol seperti dalam bidang majlis, lawatan pembesar-pembesar Negara ke luar negeri, lawatan pembesar-pembesar asing ke Negara Brunei Darussalam, hal ehwal konsular dan kebajikan rakyat Negara Brunei Darussalam

di luar negeri termasuk pengurusan pasport, visa dan sebagainya.

6. Membuat kerja-kerja pentadbiran di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan di Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri termasuk hal ehwal kewangan, perjawatan, kebajikan pegawai dan kakitangan, pengurusan hartabenda dan sebagainya berdasarkan kepada peraturan yang berjalan pada masa ini.

7. Hendaklah bersedia untuk berkerja di luar waktu pejabat, berkhidmat di luar negeri apabila dikehendaki serta bersedia berkerja luar waktu pejabat semasa krisis politik dan keselamatan yang terjadi di negara-negara yang mempunyai kepentingan dengan Negara Brunei Darussalam.

8. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pihak atasan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan, sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut:

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH7:

**PENGARAH PENTADBIRAN,
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN
PERDAGANGAN, JALAN SUBOK,
BANDAR SERI BEGAWAN, BD2710
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH7 ADALAH PADA HARI RABU 20 NOVEMBER, 2013

**GH8. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam atau bidang bersesuaian.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II:

1. Melaksanakan hal ehwal pentadbiran dan perkhidmatan.
2. Bertanggungjawab bagi keselamatan dan kesejahteraan pegawai dan kakitangan.
3. Menjadikan pelaksanaan pentadbiran yang lebih efisien.

**GH9. PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT I
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
2. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyelidikan dan menyediakan kertas-kertas kerja adalah keutamaan.
3. Mempunyai kebolehan dalam menggunakan komputer adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT I:

1. Membuat penyelidikan.
2. Menyediakan dan menyempurnakan tugas / kertas kerja / laporan / persuratan menurut yang ditetapkan / diarahkan.
3. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan, sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut:

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH8 & GH9:

**TINGKAT 4,
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
JALAN MENTERI BESAR BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH8 & GH9 ADALAH PADA HARI KHAMIS 21 NOVEMBER, 2013

PEMBERITAHUAN:

1. Penggunaan Borang SPA/1 & SPA/2

- a. Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1 atau SPA/2.
- b. Semua pemohon dikehendaki mengisikan SATU (1) Borang SPA/1 atau SPA/2 khusus untuk SATU (1) jawatan sahaja.
- c. Pemohon yang memohon lebih dari satu (1) jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang SPA/1 atau SPA/2 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan.
- d. Borang SPA/1 hanya perlu diisikan dengan lengkap sekali sahaja iaitu bagi pemohon yang pertama kali memohon jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Permohonan kali kedua dan seterusnya hendaklah menggunakan borang SPA/2.
- e. Bagi iklan jawatan bilangan GH6 hingga GH9 isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1.
- f. Borang SPA/1 dan SPA/2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.
- g. Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan borang SPA/1 atau SPA/2, sila hubungi kaunter Bahagian Pengambilan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di nombor talian 2381961 sambungan 588 & 574.

2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecukupan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapi bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).

3. Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

- a. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
- b. Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

4. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK selama tempoh perkhidmatannya.

5. 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut.

6. Permohonan yang diterima lewat daripada 20 November 2013 tidak dilayan.

7. Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut;

- Menelefon 2381961 Sambungan 585 (Bahagian Iklan);

- Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;

- Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu <http://www.spa.gov.bn/>

8. Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-

- Pejabat Daerah Belait;
- Pejabat Daerah Temburong.
- Pejabat Daerah Tutong;
- Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.

Dari muka 14

IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

**GH6. PSIKOLOGIS (KESIHATAN AWAM)
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN=4**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Psikologis atau bidang bersesuaian.
2. Mempunyai keahlian dengan Badan-Badan Profesional antarabangsa adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PSIKOLOGIS (KESIHATAN AWAM):

1. Mengambil peranan sebagai Pegawai Perkhidmatan V (*Clinician V*) dalam bidang Psikologi di dalam menjalankan tugas-tugas klinikal termasuk membuat pemeriksaan dan membuat diagnosis klinikal (*Clinical Diagnosis*) tentang permasalahan/penyakit yang memerlukan rawatan kaedah Psikologi.
2. Menjalankan kaedah rawatan yang efektif di dalam pemulihan atau rehabilitasi permasalahan Psikologi klien dengan piawaian atau persetujuan Pegawai Psikologis yang terlatih dan berkemahiran.
3. Membantu Psikologis yang kanan dalam menjalankan kerja-kerja harian samada dari segi pentadbiran atau klinikal harian.
4. Menyediakan dan menghadapkan laporan kepada Psikologis yang kanan jika diperlukan.
5. Membantu dan bertanggungjawab mengendalikan pentadbiran dan pengurusan Perkhidmatan Psikologi Klinikal di Hospital-Hospital, Pusat-Pusat Kesihatan dan Klinik-Klinik di daerah yang ditentukan.
6. Melakukan lawatan ke Hospital-Hospital, Pusat-Pusat Kesihatan atau Klinik-Klinik di semua daerah.
7. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan, sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut:

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH6:

**UNIT PENGAMBILAN KAKITANGAN
JABATAN PERTADBIRAN
TINGKAT 1, BANGUNAN KEMENTERIAN KESIHATAN
JALAN MENTERI BESAR /
JALAN COMMONWEALTH DRIVE
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH6 ADALAH PADA HARI RABU 20 NOVEMBER, 2013

**GH7. PEGAWAI PENYELIDIK
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan professional yang sebanding dalam bidang bersesuaian.
2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Asing adalah kelebihan

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENYELIDIK:

1. Meningkatkan kepentingan Negara melalui perhubungan dengan negara-negara lain di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa dan juga melalui pertubuhan-pertubuhan berbagai hala yang mana Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli.
2. Membuat kertas kerja serta penilaian dan cadangan kedudukan negara terhadap perkembangan dua hala, serantau dan antarabangsa di bidang-bidang seperti politik, keselamatan, ekonomi dan sosial.
3. Membuat penyelidikan dan menyediakan kertas kerja mengenai cadangan dan sokongan dasar luar Negara Brunei Darussalam dan penubuhan hubungan diplomatik dengan negara luar.
4. Menyediakan 'brief' dan laporan untuk sesuatu lawatan tertentu dan mesyuarat-mesyuarat dua hala dan berbagai hala serta mengambil tindakan-tindakan lanjut terhadap mesyuarat-mesyuarat yang telah dihadiri.
5. Membuat kerja-kerja protokol seperti dalam bidang majlis, lawatan pembesar-pembesar Negara ke luar negeri, lawatan pembesar-pembesar asing ke Negara Brunei Darussalam, hal ehwal konsular dan kebajikan rakyat Negara Brunei Darussalam

di luar negeri termasuk pengurusan pasport, visa dan sebagainya.

6. Membuat kerja-kerja pentadbiran di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan di Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri termasuk hal ehwal kewangan, perjawatan, kebajikan pegawai dan kakitangan, pengurusan hartabenda dan sebagainya berdasarkan kepada peraturan yang berjalan pada masa ini.

7. Hendaklah bersedia untuk berkerja di luar waktu pejabat, berkhidmat di luar negeri apabila dikehendaki serta bersedia berkerja luar waktu pejabat semasa krisis politik dan keselamatan yang terjadi di negara-negara yang mempunyai kepentingan dengan Negara Brunei Darussalam.

8. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pihak atasan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan, sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut:

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH7:

**PENGARAH PENTADBIRAN,
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN
PERDAGANGAN, JALAN SUBOK,
BANDAR SERI BEGAWAN, BD2710
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH7 ADALAH PADA HARI RABU 20 NOVEMBER, 2013

**GH8. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam atau bidang bersesuaian.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II:

1. Melaksanakan hal ehwal pentadbiran dan perkhidmatan.
2. Bertanggungjawab bagi keselamatan dan kesejahteraan pegawai dan kakitangan.
3. Menjadikan pelaksanaan pentadbiran yang lebih efisien.

**GH9. PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT I
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
2. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja penyelidikan dan menyediakan kertas-kertas kerja adalah keutamaan.
3. Mempunyai kebolehan dalam menggunakan komputer adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT I:

1. Membuat penyelidikan.
2. Menyediakan dan menyempurnakan tugas / kertas kerja / laporan / persuratan menurut yang ditetapkan / diarahkan.
3. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan Salinan-Salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan, sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut:

TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH8 & GH9:

**TINGKAT 4,
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
JALAN MENTERI BESAR BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI BILANGAN GH8 & GH9 ADALAH PADA HARI KHAMIS 21 NOVEMBER, 2013

PEMBERITAHUAN:

1. Penggunaan Borang SPA/1 & SPA/2

- a. Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1 atau SPA/2.
- b. Semua pemohon dikehendaki mengisikan SATU (1) Borang SPA/1 atau SPA/2 khusus untuk SATU (1) jawatan sahaja.
- c. Pemohon yang memohon lebih dari satu (1) jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang SPA/1 atau SPA/2 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan.
- d. Borang SPA/1 hanya perlu diisikan dengan lengkap sekali sahaja iaitu bagi pemohon yang pertama kali memohon jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Permohonan kali kedua dan seterusnya hendaklah menggunakan borang SPA/2.
- e. Bagi iklan jawatan bilangan GH6 hingga GH9 isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1.
- f. Borang SPA/1 dan SPA/2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.
- g. Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan borang SPA/1 atau SPA/2, sila hubungi kaunter Bahagian Pengambilan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di nombor talian 2381961 sambungan 588 & 574.

2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecukupan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapi bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).

3. Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

- a. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
- b. Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

4. Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK selama tempoh perkhidmatannya.

5. 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut.

6. Permohonan yang diterima lewat daripada 20 November 2013 tidak dilayan.

7. Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut;

- Menelefon 2381961 Sambungan 585 (Bahagian Iklan);

- Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;

- Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu <http://www.spa.gov.bn/>

8. Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-

- Pejabat Daerah Belait;
- Pejabat Daerah Temburong.
- Pejabat Daerah Tutong;
- Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG KELAS IV ATAU V DAN KATEGORI B01 & KA01

BIL: KHEU/BDP/LTK/037/2013
CADANGAN MENAIK TARAF SATU (1) BLOK BANGUNAN BAGI BILIK DARJAH, BILIK GURU DAN DEWAN BAGI SEKOLAH UGAMA P.P. HAFIZAH SURURUL BOLKIAH, KG. PERPINDAHAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YURAN DOKUMEN: BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
Tarikh dan Jam tutup mengambil

dokumen tawaran: 19 November 2013 (2.00 petang)
Tarikh Tutup: 26 November 2013 (2.00 petang)

Syarat-Syarat Tawaran :-

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam** (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) tidak lewat dari jam 2.00

petang pada tiap-tiap hari Selasa seperti tarikh yang telah ditetapkan.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Kontrak.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah didapati dan diperolehi dari **Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam**. Jumlah yuran adalah seperti berikut.

5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pem-

borong sama ada berjaya atau yang tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

TAWARAN UNTUK MEMAJUKAN TAPAK-TAPAK BAGI PERUSAHAAN PERTANIAN KOMERSIAL DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN (KKP)
BILANGAN : 6/2013

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa di Tapak-Tapak Pertanian seperti berikut :-

TAPAK PERTANIAN :-

- 1) Tapak KKP Stesen Pengkalan Batu (Untuk menjalankan kegiatan pertanian bagi perusahaan tanaman dan pemrosesan buah kelapa secara komersial)
- 2) Tapak KKP Tungku, Kampung Tungku (Untuk menjalankan kegiatan/perusahaan

pertanian menggunakan rumah hidroponik atau fertigation farming secara komersial)

3) Tapak SP2 KKP Wasan, Mukim Pengkalan Batu

(Untuk menjalankan kegiatan pertanian bagi pengeluaran biji benih sah padi (certified seeds) secara komersial)

4) Tapak KKP Stesen selangan, Daerah Temburong

(Untuk menjalankan kegiatan pertanian bagi tanaman rumput, bunga-bunga, semaian dan hiasan secara komersial)

Borang-borang permohonan boleh didapati dari **Unit Kawasan Kemajuan Pertanian, Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 mulai 6 November 2013 hingga 20 November 2013** dan tarikh akhir penghantaran borang-borang permohonan selawat-awatnya **27 November 2013 sebelum 3.00 petang.**

Waktu Mendapatkan Borang Permohonan Tapak
ISNIN - KHAMIS :

8.00 pagi - 11.30 pagi
 1.45 petang - 3.00 petang
SABTU

8.00 pagi - 10.00 pagi

substantive-related issues; represent the Organization at international, regional, inter-agency meetings, seminars and conferences; provide programmatic/substantive expertise and, when appropriate, hold programmatic/substantive and organizational discussions with representatives of other institutions. Perform any other relevant duties assigned.

Education

Advanced University Degree (Masters degree or equivalent) in one or more of the following disciplines: social sciences, natural sciences, business administration or management, finance, law, economics, environmental management or other relevant field. Ph.D would be an added value. A first level university degree with a combination of two years professional and academic qualifications may be accepted in lieu of the advanced degree.

Work Experience

Over 15 years of progressively responsible experience in the field of environment and development, human resources management, business or financial multicultural complex institutions as well as programme and project

planning and analysis, and budgeting.

Languages

English and French are the working languages of the UN Secretariat. For this post, fluency in English is essential. Knowledge of a second official UN language is desirable.

Assessment Method

Evaluation of qualified candidates for this position may include a substantive assessment which will be followed by a competency-based interview.

Special Notice

Staff members are subject to the authority of the Secretary-General and to assignment by him or her. In this context, all staff are expected to move periodically to new functions in their careers in accordance with established rules and procedures.

All applicants are strongly encouraged to apply on-line as soon as possible after the job opening has been posted and well before the deadline stated in the job opening. On-line applications will be acknowledged where an email address has been provided.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN
SUKAN**

**BIL TAWARAN : (22) JBS/ADM/UP/2013
Pengerusi**

**Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Kebudayaan, Belia
Dan Sukan,
Bangunan Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan,
Tingkat 1, (Ruang Masuk /**

**Penyambut Tetamu)
Simpang 336 - 17, Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan BA1211
Negara Brunei Darussalam.**

**BIL TAWARAN : (1) JBS/ ADM/TDR/18/2013
SUPPLY OF 4 UNITS OF BICYCLES-SPECIALIZED
SHIV-TT 2013 AND 6 UNITS OF ZIPP 303
WHEELSETS C/W TUBULAR TYRE**

YURAN TAWARAN : \$25.00

**TARIKH TUTUP : Tidak lewat jam 2.00 petang,
12 NOVEMBER 2013**

**Tarikh Tutup : 7 Muharram 1434,
12 November 2013 (Hari Selasa)**

Jam : Tidak lewat jam 2.00 petang

Cagaran : Seperti yang dinyatakan pada Keterangan Sebutharga -Bagi setiap satu dokumen (Tidak dikembalikan)

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi di Bahagian Unit Hasil, Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA 1211, Negara Brunei Darussalam.

Waktu Menerima Bayaran

**ISNIN - KHAMIS
8.30 PAGI - 11.30 PAGI
SABTU
8.30 PAGI - 10.30 PAGI**



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN TAWARAN : JPi/7/2013
TAJUK : CONSULTANCY SERVICES
IN THE DEVELOPMENT OF
DOWNSTREAM SEAFOOD PRODUCTS
AT INCUBATOR UNITS AT
DEPARTMENT OF FISHERIES,
BRUNEI DARUSSALAM**

1. TAWARAN hendaklah dialamatkan dan dimasukkan kepada:-

**Pengerusi Tawaran dan Sebut Harga
Jabatan Perikanan
Bangunan Kementerian Perindustrian
Dan Sumber-Sumber Utama,
Jalan Menteri Besar, BB 3910**

Negara Brunei Darussalam

**Peti Sebut Harga
Jabatan Perikanan
Tingkat 1**

**Bangunan Kementerian Perindustrian
Dan Sumber-Sumber Utama,
Jalan Menteri Besar, BB 3910
Negara Brunei Darussalam**

2. Tawaran hendaklah dihantar tidak lewat pada hari Selasa, 24 Disember 2013 jam 2.00 petang. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identity atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat:-

**TAWARAN BAGI;
"CONSULTANCY SERVICES IN THE
DEVELOPMENT OF DOWNSTREAM**

**SEAFOOD PRODUCTS AT INCUBATOR
UNITS AT DEPARTMENT OF
FISHERIES, BRUNEI DARUSSALAM"**

Bilangan Tawaran : JPi/7/2013

Tarikh Tutup: 24 Disember 2013

Jam Tutup: 2.00 Petang

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen tawaran, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Perancangan Kemajuan Industri Perikanan, Tingkat 3, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Jalan Menteri Besar, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam pada talian 2383067 sambungan 2331, atau melayari laman web Jabatan Perikanan; www.fisheries.gov.bn dan pembayaran dokumen tawaran di Tingkat I, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja:-

**Isnin - Kamis dan Sabtu:
8.00 pagi - 11.30 pagi**

1.45 petang - 3.00 petang

5. Yuran sebanyak B\$30.00 bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-tuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.

7. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan/Pasport dan Daftar Pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.

8. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai hari khamis, 7 November 2013.

9. Sessi taklimat Tawaran (Briefing) dan lawatan tempat bagi tawaran JPi/7/2013 adalah dimestikan dan akan diadakan seperti berikut:

**Pada : 21 November 2013 (Hari Khamis)
Jam : 9.30 pagi**

**Tempat : Divisyen Perkembangan Pem-
prosesan Makan Laut, Jabatan Perikanan,
Muara, Brunei Darussalam.**



**JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**TAWARAN BAGI MENGIKUTI KURSUS
DI MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL
RIJAL BAGI SESI JULAI 2014
JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Tarikh Tutup Menerima Permohonan :
Khamis, 7 November 2013 @ 4.30 petang**

PEMOHON-PEMOHON yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk mengikuti kursus-kursus di peringkat Diploma.

**SENARAI
KURSUS DI PERINGKAT
DIPLOMA (DIP)**

NAMA KURSUS

1. BDTVEC Diploma in Aircraft Maintenance Engineering (Airframe & Engine)

KELAYAKAN MASUK

1. Pemohon hendaklah sekurang-kurangnya memperoleh 4 kepujian (Gred A* - C) di

peringkat GCE 'O' Level / IGCSE. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang lulus dalam mata pelajaran yang bersesuaian seperti English Language, Mathematics/ Additional Mathematics, Physics/Engineering Science dan Computer Studies.

Atau

2. Mempunyai sijil-sijil atau kelulusan yang bersesuaian dan diiktiraf.

Dan

3. Permohonan dibukakan untuk rekrut lelaki sahaja.

4. Memenuhi syarat kemasukan sebagai rekrut ABDB seperti syarat-syarat yang berjalan sekarang. Keterangan lanjut bagi syarat tersebut bolehlah berhubung terus ke Pejabat-pejabat Pengambilan ABDB yang berdekatan.

Dan

5. Lulus temuduga.

TEMPOH & CARA KURSUS

Sepenuh Masa
2 tahun 3 bulan

INSTITUSI MTSSR

2 BDTVEC

**Diploma in Aircraft Maintenance
Engineering (Avionics / Aviation
Electronics)**

1. Pemohon hendaklah sekurang-kurangnya memperoleh 4 kepujian (Gred A* - C) di peringkat GCE 'O' Level / IGCSE. Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang lulus dalam mata pelajaran yang bersesuaian seperti English Language, Mathematics/ Additional Mathematics, Physics/Engineering Science dan Computer Studies.

Atau

2. Mempunyai sijil-sijil atau kelulusan yang bersesuaian dan diiktiraf.

Dan

3. Permohonan dibukakan untuk rekrut lelaki sahaja.

4. Memenuhi syarat kemasukan sebagai rekrut ABDB seperti syarat-syarat yang berjalan sekarang. Keterangan lanjut bagi syarat tersebut bolehlah berhubung terus ke Pejabat-pejabat Pengambilan ABDB yang berdekatan.

Dan

5. Lulus temuduga.

TEMPOH & CARA KURSUS

Sepenuh masa
2 tahun 3 bulan

INSTITUSI MTSSR

PERHATIAN

1. Pemohon-pemohon yang berjaya terpilih untuk mengikuti kursus BDTVEC DIPLOMA IN AIRCRAFT MAINTENANCE ENGINEERING ini nanti akan menjalani Latihan Asas Tentera sebagai rekrut di Institut Latihan Penanjong Garisen, Kementerian Pertahanan selama enam (6) bulan. Pemohon-pemohon hanya akan mengikuti kursus di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal pada Julai 2014 nanti.

2. Permohonan bolehlah dibuat melalui laman web: <http://www.dte.edu.bn/tvecas>

3. Permohonan yang sudah dibuat melalui web hendaklah DICETAK dan DIHANTAR ke Jabatan Aircraft untuk proses menyukat ketinggian dan menimbang berat badan.

4. Hanya pemohon-pemohon yang terpilih sahaja akan dimaklumkan melalui e-mel dan papan kenyataan maktab untuk sesi temuduga.

5. Keterangan lanjut boleh didapati dari:

Pendaftar

**Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Bangunan Pusat Sumber Pelajar
Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal
(MTSSR)**

Simpang 125, Jalan Muara, BB2313

Nombor Telefon: 2341810

Fax: 2343207



**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KENYATAAN SEBUT HARGA
'QUOTATION NOTICE'**

**BILANGAN SEBUT HARGA /
QUOTATION REFERENCE:
07/2013/KKBS/PPB/04
(RE-QUOTATION)**

**TAJUK SEBUT HARGA: KONTRAK
PENGAL 12 BULAN BAGI
PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN
BAHAN-BAHAN LATIHAN PRAKTI-
KAL BAGI KURSUS KEMAHIRAN SE-
NI KULINARI DAN BANKUET (PRO-
GRAM JANGKA PANJANG 9 BULAN
DAN PROGRAM JANGKA PENDEK 3
BULAN) DI PUSAT PEMBANGUNAN
BELIA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN, JALAN UTAMA
TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**BILANGAN SEBUT HARGA /
QUOTATION REFERENCE:
08/2013/KKBS/PPB/06
(RE-QUOTATION)**

**TAJUK SEBUT HARGA: KONTRAK
PENGAL 12 BULAN BAGI
PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN**

**BAHAN-BAHAN LATIHAN PRAKTI-
KAL BAGI KURSUS KEMAHIRAN PAS-
TRI DAN KONFEKSIONARI (PRO-
GRAM JANGKA PANJANG 9 BULAN
DAN PROGRAM JANGKA PENDEK 3
BULAN) DI PUSAT PEMBANGUNAN
BELIA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN, JALAN UTAMA
TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat/Pemborong tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Syarikat-syarikat/Pemborong yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

3. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17 Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam semasa hari/waktu bekerja.

4. Yuran Tawaran adalah \$10.00 setiap satu tawaran sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat/pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (bona-fide tender).

5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta

tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.

6. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada:

**PENGERUSI JAWATANKUASA
SEBUT HARGA**

**Tingkat 7 Bangunan Kementerian
Kebudayaan, Belia dan
Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
BS8110
Negara Brunei Darussalam.**

**Tidak lewat jam 2.00 petang, hari Rabu,
6 November 2013.**

7. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Tarikh terakhir mengambil dokumen sebut harga adalah pada hari Isnin, 4 November 2013, jam 4.00 petang.

9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan. Borang tawaran dan borang pengakuan penender hendaklah diisikan dengan lengkap dan penuh. Tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.

10. Syarikat/Pemborong adalah DISARAN-

KAN membuat lawatan ke Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam pada hari dan waktu bekerja bagi mengenalpasti keperluan tawaran dan lokasi pembekalan.

11. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada Pegawai Latihan ditalian 2393681 Ext. 717, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

12. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap Syarikat/Pemborong yang mengambil bahagian adalah dikehendaki untuk mendapatkan salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan dan Sijil-Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

13. Setiap borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah disertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 12) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 7).

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

15. Syarikat yang menolok atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).



**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**MAJLIS PENGUNDIAN DAN
PEMILIHAN CALON KETUA
KAMPUNG SUNGAI
BULOH, MUKIM MENTIRI**

JABATAN Daerah Brunei dan Muara ingin maklumkan kepada Penduduk-penduduk Kampong Sungai Buloh, Mukim Mentiri, bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi Calon ketua Kampong Sungai Buloh, Mukim Mentiri akan diadakan pada hari Jumaat, 10 Muharam 1434 bersamaan 15 November 2013 bertempat di Masjid Kampung Sungai

Buloh, Mukim Mentiri bermula pada jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi.

Oleh yang demikian, Jabatan Daerah Brunei dan Muara memohonkan kerjasama daripada semua Penduduk-Penduduk Kampong Sungai Buloh, Mukim Mentiri yang terdiri daripada Warganegara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap yang berumur 18 tahun keatas dan tinggal bermastautin di Kampong Sungai Buloh, Mukim Mentiri dan nama-nama mereka yang tersenarai dalam Senarai Daftar pengundian penduduk Kampung Sungai Buloh, Mukim Mentiri, supaya akan dapat

hadir untuk (menghadirkan diri) di Majlis pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampong Sungai Buloh, Mukim Mentiri, pada Jumaat, 10 Muharram 1434 bersamaan 15 November 2013 bertempat di Masjid Kampung Sungai Buloh, Mukim Mentiri bermula pada jam 8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi. Seperti yang dinyatakan diatas dengan membawa Kad Pengenalan masing-masing.

Dan bagi mana-mana penduduk-penduduk Kampung Sungai Buloh, Mukim Mentiri yang tidak tersenarai nama-nama mereka di dalam Senarai Daftar pengundi Penduduk Kampung Sungai Buloh, Mukim Mentiri, hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan nama-nama mereka kepada Ketua Kampung

Sungai Buloh, Mukim Mentiri iaitu Yang Mulia Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Haji Omar beralamat No.10. Simpang 57-13, Kampung Sungai Buloh, Mukim Mentiri atau ke Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Brunei dan Muara mulai tarikh pendaftaran dibuka.

Pendaftaran bagi Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi Calon ketua Kampung Sungai Buloh, Mukim Mentiri adalah dibuka mulai hari Sabtu, 26 Oktober 2013 hingga 15 November 2013 (iaitu semasa Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi Calon Ketua Kampung Sungai Buloh, Mukim Mentiri diadakan nanti).

27 pasukan sertai Kejohanan Cabaran Bolasepak Antarabangsa Brunei Ke-4



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyampaikan cenderamata kepada ketua pasukan Friends from Bangkok dari Thailand dalam majlis pembukaan.

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 November. - Kejohanan Cabaran Bolasepak Antarabangsa Brunei Ke-4 2013 bagi 7 orang sepasukan bermula hari ini dengan melibatkan penyertaan daripada lima buah negara iaitu Malaysia, Republik Indonesia, Thailand, India dan Negara Brunei Darussalam.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Persatuan Bolasepak Veteran itu disertai oleh 27 buah pasukan dari dalam dan luar negara dengan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Veteran, Master dan Grand Master.

Hadir merasmikan kejohanan selama dua hari ini ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar yang berlangsung di Kompleks Sukan

Berakas, di sini.

Sebelum perasmian, tetamu kehormat diperkenalkan kepada para ketua pasukan yang bertanding dan seterusnya menyampaikan cenderamata kepada ketua pasukan.

Kejohanan antara lain bertujuan untuk memupuk rasa muhibah di kalangan pemain-pemain veteran selain sebagai landasan untuk mempromosikan negara ini sebagai destinasi pelancongan.

Perlawanan yang diadakan secara format 'round robin' itu diadului dengan dua perlawanan pembukaan dalam Kategori Veteran iaitu Pasukan Pondok 12 menang tipis 1-0 ke atas Pasukan Satria Veteran FT.

Pasukan FBSB FC yang merupakan juara bertahan dari Miri Sarawak menang ke atas Pasukan MBS United FC dengan jaringan 2-0.

Antara pasukan luar negara yang menyertai ialah Pasukan FBSB FC dari Malaysia, Poovai Malar Veterans dan East Kolkata Veteran mewakili India dan Friends from Bangkok dari Thailand dan Trisakti dari Republik Indonesia.

Riadah sihat hujung minggu



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa menyampaikan hadiah kepada juara Individu Lelaki Speed Triathlon.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

SERIA, Ahad, 3 November. - Kira-kira 130 orang telah menyertai riadah sihat hujung minggu di acara Panaga Triathlon Ke-38 di Kelab

Panaga, di sini.

Panaga Triathlon merupakan acara sukan tiga dalam satu meliputi berenang, berbasikal dan berlari dianjurkan oleh

pertubuhan tempatan bersama Panas Running Club.

Acara mengandungi Full Triathlon (Sprint Distance) dan Speed Triathlon bagi penyertaan individu lelaki dan individu perempuan serta berpasukan.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Yang Berhormat juga turut menyertai buat pertama kali Panaga Triathlon dalam acara berbasikal berpasukan dan pasukan Yang Berhormat menduduki tempat ketiga dan meraih pingat gangsa.

Dalam Full Triathlon (Sprint Distance) acara berenang dalam kolam 500 meter, berbasikal 23 kilometer dan berlari sejauh 5.5 kilometer, manakala Speed Triathlon pula acara berenang dalam kolam 300 meter, berbasikal sejauh 12 kilometer dan berlari sejauh 3 kilometer.

Pasukan KHEDN layak ke Perlawanan Akhir

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 November. - Pasukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melangkah ke perlawanan akhir Kejohanan Bolasepak Piala Keputeraan 2013 antara Kementerian-Kementerian Negara Brunei Darussalam sempena sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun selepas menumpaskan Pasukan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di perlawanan separuh akhir pertama, berlangsung di Balapan dan Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas,

di sini.

Pasukan KHEDN mengesahkan slot mereka untuk layak ke perlawanan akhir selepas menang dengan jaringan 2-0 hasil daripada Md. Maududi Hilmi yang berjaya menyumbangkan kedua-dua jaringan tersebut.

Kedua-dua pasukan yang buntu dengan jaringan gol di separuh masa pertama akhirnya diledakkan dengan jaringan Md. Maududi Hilmi selepas bergerak solo dari bahagian tengah padang dengan melepasi beberapa pemain pertahanan Pasukan JPM sebelum melepaskan tendangan leret di sebelah kanan pintu gawang Pasukan JPM pada minit ke-71.

Tiga minit kemudian, giliran Abd. Muiz Sisa pula mencuba untuk menyumbangkan gol buat Pasukan KHEDN, namun sepakan leretnya dapat diselamatkan oleh penjaga gol Pasukan JPM sekalipun peluang tersebut adalah cerah untuk menjaringkan gol.

Selang kemudian, Md. Maududi Hilmi menceraikan peluang buat Pasukan KHEDN untuk beraksi di perlawanan akhir apabila beliau berjaya menjaringkan gol ke-2 selepas memanfaatkan hantaran lintang Ak. Azrul Ariffin dari sebelah kiri pada minit ke-78.

Sementara itu, Pengurus Pasukan KHEDN, Haji Sulaiman Haji Usop ketika ditemu bual melahirkan perasaan sangat gembira dengan keputusan tersebut yang melayakkan mereka bermain ke peringkat akhir sekaligus bakal menebus kekecewaan tahun lalu yang hanya menduduki naib juara.

Setelah menyaksikan permainan separuh masa pertama, katanya, mereka telah melakukan perubahan permainan dengan merubah formasi, di samping melancarkan serangan-serangan pantas yang akhirnya membawa kejayaan kepada pasukannya.

Menurut Awang Haji Sulaiman, Pasukan KHEDN sememangnya sudah bersedia untuk menghadapi perlawanan akhir nanti malah mereka tidak memilih mana-mana pasukan untuk dihadapi sama ada Pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama atau Kementerian Pendidikan.

Pasukan Bantuan Kebajikan Am juara Kejohanan Futsal



PENGARAH Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Misnah binti Haji Bolhassan semasa mengabadikan gambar kenangan bersama juara Futsal JAPEM 2013 iaitu Pasukan Bantuan Kebajikan Am.

Oleh : Khartini Hamir Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 3 November. - Satu Kejohanan Futsal Antara Bahagian-bahagian di Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) yang dikendalikan oleh Bahagian Bantuan Kebajikan Am telah berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Pasukan Bantuan Kebajikan Am menjuarai Kejohanan Futsal Antara Bahagian-bahagian di JAPEM 2013 setelah berjaya menumpaskan pasukan Kompleks Rumah Kebajikan di perlawanan akhir dengan jaringan 5-4.

Hadir menyaksikan dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang kejohanan ialah Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Misnah binti Haji Bolhassan.

Juara kejohanan menerima hadiah berupa medal dan piala rebutan yang disumbangkan oleh

Pengarah Pembangunan Masyarakat selain juga menerima piala pusingan selaku juara liga.

Manakala, pasukan Pencen 2 berjaya menduduki tempat ketiga setelah berjaya mengalahkan pasukan Pentadbiran Kewangan dengan jaringan 1-0.

Kejohanan sehari yang dianjurkan buat kali ketujuh itu antara lain bertujuan untuk mewujudkan gaya hidup yang sihat dalam kalangan pegawai dan kakitangan melalui aktiviti sukan, di samping dapat menanai semangat kerjasama berpasukan dalam kalangan para ahli dalam pasukan di bahagian masing-masing.

Selain itu kejohanan juga untuk memilih pemain-pemain yang berpotensi untuk mewakili jabatan ke kejohanan yang sama bagi peringkat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan kejohanan pada musim depan akan dikendalikan oleh Kompleks Rumah Kebajikan.



PEMAIN Pasukan JPM (biru) cuba menghalang salah seorang pemain pasukan KHEDN dari terus mara melakukan serangan.



Atlet boling raih pingat emas

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Oktober. - Atlet boling Negara Brunei Darussalam dalam Kategori B2, Kamarul Ariffin bin Haji Abdul Ghaffar berjaya membuktikan kemampuannya sekali gus membawa pulang pingat emas pada penyertaannya di Temasya Sukan Para Remaja Asia Malaysia 2013 (Asian

Youth Para Games Malaysia 2013).

Hadir menyambut kepulangan kontinjen negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman serta pegawai-pegawai kanan kementerian tersebut.

Sejurus ketibaan kontinjen, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengalungkan sesandang dan memberikan ucapan penghargaan.

Kontinjin negara diketuai oleh

Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat, selaku Chef de Mission ke sukan berkenaan.

Negara Brunei Darussalam hanya menyertai satu acara sukan iaitu acara boling dalam Kategori B2 Visual Impaired.

Sukan Para Remaja Asia Malaysia 2013 yang merupakan platform bagi saingan kompetitif khusus untuk atlet Orang Kurang Upaya (OKU) remaja Asia disertai oleh lebih 2,000 atlet dari 42 negara Asia yang bernaung di bawah payung Jawatankuasa Paralimpik Asia (APC).

TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman mengalungkan sesandang dan memberikan ucapan penghargaan kepada Kamarul Ariffin bin Haji Abdul Ghaffar.

Pasukan Mukim Berakas 'A' wakili DBM ke peringkat kebangsaan

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 November. - Pasukan Bola Jaring Mukim Berakas 'A' muncul juara bagi Kategori Wanita Terbuka dalam Kejohanan Bola Jaring Sukan Antara Mukim-Mukim Negara Brunei Darussalam 2013 Peringkat Daerah Brunei dan Muara (DBM) setelah menewaskan Pasukan Bola Jaring Mukim Mentiri dengan jaringan mata 13-10.

Manakala di tempat ketiga ialah Pasukan Bola Jaring Mukim Gadong 'B' setelah berjaya mengalahkan Pasukan Bola Jaring Mukim Lumapas dengan jaringan mata 15-6.

Isteri Pegawai DBM, Dr. Dayang Hajah Jamilah binti Haji Mohammad

Yusuf selaku tetamu kehormat menyampaikan pingat dan piala kepada pemenang-pemenang kejohanan berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkih, Berakas, di sini.

Sementara itu, Pasukan Bola Jaring Mukim Serasa muncul juara bagi Kategori 18 Tahun Ke Bawah selepas mengalahkan Pasukan Bola Jaring Mukim Kota Batu dengan jaringan mata 12-9.

Pasukan Bola Jaring Mukim Gadong 'A' pula menduduki di tempat ketiga setelah menewaskan Pasukan Bola Jaring Mukim Mentiri dengan jaringan mata 6-3.



Kejohanan Bola Jaring kali ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Wanita Terbuka dan Kategori

18 Tahun Ke Bawah dan penyertaan peserta terdiri dari lapan buah mukim di DBM, yang mana setiap pasukan

TETAMU kehormat semasa menyampaikan piala kejuaraan kepada pasukan Bola Jaring Mukim Berakas 'A' bagi Kategori Wanita Terbuka.

dikehendaki mempunyai 12 pemain. Kejohanan tersebut dianjurkan oleh Mukim Serasa dan dijalankan secara format *round robin*.

Pasukan yang memenangi Kejohanan Bola Jaring tersebut akan mewakili DBM untuk mara ke Peringkat Kebangsaan pada Sukan Antara Mukim-Mukim NBD 2013 yang akan diadakan pada pertengahan bulan Disember nanti.

Sukan Antara Mukim-Mukim NBD 2013 merupakan kerjasama antara JBS, KKBS dan JDBM, KHEDN yang mempertandingkan sebanyak 10 jenis sukan merangkumi sukan Bola Jaring, Badminton, Dart, Futsal, Ping Pong, Sepak Takraw, Silat Tradisional, Tarik Kalat, Gasing dan juga Pasang.

Kejohanan Bola Jaring buka tirai Sukan Antara Mukim-Mukim NBD 2013



PEGAWI Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin ketika merasmikan Sukan Antara Mukim-mukim NBD 2013 Peringkat DBM.

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 November. - Matlamat Sukan Antara Mukim-Mukim Negara Brunei Darussalam (NBD) 2013 adalah untuk membentuk sebuah masyarakat dan warganegara yang mempunyai tahap kesihatan yang tinggi, aktif, berjiwa kental, patriotik dan saling berkasih sayang.

Penghulu Mukim Serasa, Mejar (B) Awang Haji Johari bin Haji Abdul Razak berkata, Sukan Antara Mukim-Mukim NBD 2013 Peringkat Daerah Brunei Muara (DBM) merupakan landasan ke arah perpaduan,

menjalinkan sifat hormat-menghormati dan semangat kerjasama yang tinggi.

Menurutnya menang atau kalah bukanlah ukuran utama, yang penting katanya, ialah bersama-sama berganding bahu dalam menjayakan aktiviti tersebut, di samping memupuk semangat kekitaan di kalangan penduduk DBM.

Sukan Antara Mukim-Mukim NBD 2013 Peringkat DBM dirasmikan oleh Pegawai DBM, Awang Haji Jamain bin Momin selaku tetamu kehormat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan

Negara Hassanal Bolkih, Berakas.

Di majlis tersebut, tetamu kehormat diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan.

Kejohanan Bola Jaring disertai lapan mukim di DBM, yang mana setiap pasukan mempunyai 12 pemain yang berumur 18 tahun ke bawah dan 12 pemain terbuka dimestikan mempunyai dua orang pemain yang berumur 45 tahun ke atas.

Kejohanan anjuran Mukim Serasa itu dijalankan secara *round robin* yang mana pasukan yang mengutip jumlah mata yang tinggi akan menjadi pemenang dan akan mewakili DBM ke peringkat seterusnya pada pertengahan bulan Disember nanti.

Sukan Antara Mukim-Mukim NBD 2013 merupakan salah satu usahasama antara Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan DBM, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang menjurus kepada projek pembangunan sukan bagi kecemerlangan, kecerdasan, kesihatan fizikal dan mental serta memupuk semangat perpaduan dan kerjasama di kalangan penduduk mukim dan kampung di negara ini.

Sebanyak 10 acara sukan dipertandingkan dalam sukan berkenaan, merangkumi Badminton, Bola Jaring, Dart, Futsal, Ping Pong, Sepak Takraw, Silat Tradisional, Tarik Kalat, Gasing dan juga Pasang.

FASS juara Pesta Sukan Antara Fakulti UBD

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

TUNGKU LINK, Rabu, 30 Oktober. - Fakulti Sastera dan Sains Sosial (Faculty of Arts and Social Science - FASS) menjuarai Pesta Sukan Antara Fakulti sempena Pesta Konvo 2013 Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan mengutip 8 pingat emas, 5 perak dan 5 gangsa.

Tempat kedua disandang oleh Institut Sains Kesihatan (Institute of Health Science-IHS) Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkih, Universiti Brunei Darussalam (PAPRSB IHS UBD) dengan 8 emas, 4 perak dan 4 gangsa, sementara Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pengajian Polisi (Faculty of Business, Economics and Policy Studies - FBEPs) menduduki tempat ketiga dengan 6 emas, 6 perak dan 5 gangsa.

Hadir menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang pada pesta yang berlangsung di Padang Sukan dan Balapan Kompleks UBD, di sini ialah Penolong Naib Canselor UBD, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiiflee.

Sementara itu, Pertandingan Tarik Kalat dimenangi oleh FASS, diikuti tempat kedua

oleh Fakulti Sains dan tempat ketiga dimenangi oleh PAPRSB IHS.

Kejohanan juga diselenggarakan dengan Sukan Ria bagi kakitangan dan seluruh warga UBD.

Sebanyak lima pasukan menyertai kejohanan tersebut iaitu FASS, IHS, FBEPs, FOS dan Akademi Pengajian Brunei.

Pesta Sukan Antara Fakulti ini dianjurkan dengan kerjasama Unit Kegiatan Luar dan Persatuan Mahasiswa-

Mahasiswi UBD (PMUBD) yang mempertandingkan sukan padang dan balapan serta sukan ria yang melibatkan lebih 150 peserta terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi semua fakulti di UBD.

Objektif utama kejohanan diadakan ialah bagi menggalakkan mahasiswa dan mahasiswi menyertai pertandingan yang sihat dan untuk mempertingkatkan lagi mutu sukan, di samping menjadi salah satu asas bagi pemilihan atlet-atlet bagi mewakili universiti berkenaan ke peringkat nasional dan antarabangsa.



FAKULTI Sastera dan Sains Sosial (FASS) menjuarai Pesta Sukan Antara Fakulti UBD diikuti oleh Institut Sains Kesihatan (IHS) Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkih di tempat kedua sementara Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pengajian Polisi (FBEPs) menduduki tempat ketiga.

DPMM dianugerahkan Warga Kehormat Rejimen Pasukan Khas ABDB



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menganugerahkan Warga Kehormat Rejimen Pasukan Khas ABDB kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB. - Foto : Masri Osman. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 3 dan 4).

Hijrah mendorong perubahan lebih baik



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah kepada penerima Anugerah Tokoh Ugama Tahun 1435 Hijriah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan di muka 12 dan 13).

Berkenan menziarahi jenazah keluarga diraja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim, Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menziarahi jenazah Allahyarhamah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Datin Seri Setia Hajah Siti Saerah binti Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Akazul Khairi

Waddien yang telah kembali ke rahmatullah pada malam tadi, 4 November 2013 kira-kira pukul 9.41 di Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) ketika berusia 82 tahun.

Juga berangkat di rumah kediaman jenazah Allahyarhamah Yang Amat Mulia di Jalan Ong Sum Ping itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Hukum Allah yang terbaik

Dari muka 1

Kami orang-orang Brunei, tegas baginda, akan konsisten dengan sikap ini, memilih Islam adalah sebagai langkah untuk menagih berkat dan rahmat daripada Allah, bukan untuk menganiaya atau menzalimi sesiapa.

Baginda juga mengingatkan bahawa Islam, sama sekali tidak membenarkan penganiayaan, dari nyawa, tubuh badan dan harta benda adalah dilindungi, sampailah kepada maruah dan hati nurani manusia juga turut dipelihara.

"Kerana itu Islam sangatlah menegah fitnah, perbuatan mengumpat dan memburuk-burukkan nama baik orang, kerana semua itu berisiko boleh mencacatkan hati dan perasaan manusia. Inilah Islam," titah baginda.

Baginda menegaskan, kita dengan izin Allah tidak akan berganjak dari Islam, dan selama tidak berganjak itulah, Brunei, insya-Allah akan terus selamat, warganya berbahagia, aman makmur, harmoni dan bersatu padu.

Adapun sebarang cakap atau prasangka buruk terhadap masa depan kita, itu semua cuma andaian belaka yang sengaja dicipta-cipta dan kita, tidaklah kena-mengena dengannya, titah baginda.

Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar serta ahli kerabat diraja yang lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Jenazah Allahyarhamah Yang Amat Mulia kemudiannya dibawa ke Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong untuk dikuburkan.

Allahyarhamah Yang Amat Mulia merupakan anak pertama hasil perkahwinan Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Akazul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II, Sultan Brunei Ke-27 bersama isteri pertamanya, Kadayang Amas binti Ampuan Salleh.

Semasa hayatnya, Allahyarhamah Yang Amat Mulia telah melangsungkan perkahwinan dengan Awang Haji Md. Ali bin Haji Md. Tamin pada tahun 1949 dan dikurniakan empat orang cahaya mata diikuti dengan 34 cucu dan 37 cicit.

'MENGHAYATI WAWASAN HIJRAH'

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.